# ANGKASA

## BADAN APEKS GERAKAN KOPERASI

ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD

*MALAYSIAN NATIONAL CO-OPERATIVE MOVEMENT*

# SEPAKAT MEMBINA

Semangat padu
Membantu kita bersama-sama
Setia, ikhlas dan telus
Kepada semua bangsa

Langkah, untuk ke depan
Demi majukan negara
Demokrasi bekerjasama
Dalam apa juga usaha

Korus
Menghulur tangan, beri bantuan
Kata sepakat membina
Membuka minda, membuka jiwa
Demi kejayaan kita
Koperasi...Koperasi

Berdiri sama dan mesra
Teguhkan keprihatinan
Mendidik insan berilmu
Berdikari untuk maju

Langkah, untuk ke depan
Demi majukan negara
Demokrasi bekerjasama
Dalam apa juga usaha

Ulang Korus
Menghulur tangan, beri bantuan
Kata sepakat membina
Membuka minda, membuka jiwa
Demi kejayaan kita
Koperasi...Koperasi

Komposer: Azlan Abu Hassan
Lirik: Aucu @ Ishak Ahmad

# JATI DIRI KOPERASI

## DEFINISI

Sebuah koperasi adalah pertubuhan manusia yang berautonomi di mana anggotanya bersatu secara sukarela demi mencapai kepentingan bersama dan aspirasi bersama di bidang ekonomi, sosial dan budaya, melalui suatu badan yang dimiliki bersama dan yang terkawal secara demokrasi.

## NILAI

Koperasi adalah berasaskan nilai-nilai berdikari, bertanggungjawab pada diri sendiri, demokrasi, kesamaan, kesaksamaan atau keadilan, perpaduan, kesetiaan dan bersatu hati. Selaras dengan tradisi pengasas gerakan itu, anggota koperasi menerima nila-nilai etika, termasuk sadik, amanah, telus, tanggungjawab sosial serta prihatin terhadap orang lain.

## PRINSIP-PRINSIP KOPERASI

1. Keanggotaan Sukarela dan Terbuka
2. Kawalan Demokrasi oleh Anggota
3. Penglibatan Ekonomi oleh Anggota
4. Autonomi dan Kebebasan
5. Pendidikan, Latihan dan Maklumat
6. Bekerjasama di antara Koperasi
7. Mengambil Berat Terhadap Masyarakat

# PRINSIP-PRINSIP KOPERASI

## Prinsip koperasi menjadi panduan untuk koperasi mengamalkan nilai-nilainya.

### *Prinsip Pertama : KEANGGOTAAN SUKARELA DAN TERBUKA*
Koperasi adalah organisasi sukarela yang terbuka kepada semua orang yang boleh mengguna perkhidmatannya dan yang sedia menerima tanggungjawab keanggotaan tanpa diskriminasi jantina, lapisan masyarakat, bangsa, politik mahupun agama.

### *Prinsip Kedua : KAWALAN DEMOKRASI OLEH ANGGOTA*
Koperasi organisasi demokratik yang dikawal oleh anggotanya mengambil bahagian secara aktif di dalam usaha menentukan dasar dan membuat keputusan. Lelaki dan wanita yang berkhidmat sebagai wakil yang dipilih bertanggungjawab kepada semua anggota. Di dalam Koperasi Asas, anggotanya mempunyai hak mengundi yang sama (iaitu satu ahli satu undi) dan koperasi-koperasi di tahap lain disusun secara demokrasi.

### *Prinsip Ketiga : PENGLIBATAN EKONOMI OLEH ANGGOTA*
Setiap anggota menyumbangkan modal secara saksama dan mengawal modal koperasi itu secara demokrasi. Sekurang-kurangnya sebahagian daripada modal itu menjadi harta bersama koperasi itu. Pada umumnya, anggota yang menyumbangkan modal sebagai syarat keanggotaan akan menerima pulangan terhad, jika ada. Anggota akan membahagikan lebihan atau keuntungan kepada tujuan berikut: memajukan koperasi mereka mungkin melalui rezab yang sebahagian daripadanya tidak boleh diagih-agihkan kepada anggota; memanfaatkan anggota mengikut nisbah urusniaga mereka dengan koperasi itu dan membantu kegiatan lain yang dipersetujui oleh keanggotaan.

### *Prinsip Keempat : AUTONOMI DAN KEBEBASAN*
Koperasi adalah organisasi berautonomi dan berdikari yang dikawal oleh anggotanya. Jika koperasi itu membuat perjanjian dengan organisasi lain termasuk kerajaan, atau mendapat modal daripada sumber luar, maka ia harus memelihara prinsip kawalan demokrasi oleh keanggotaan sambil autonomi koperasi itu dikekalkan.

### *Prinsip Kelima : PENDIDIKAN, LATIHAN DAN MAKLUMAT*
Koperasi menyediakan pendidikan dan latihan untuk anggotanya, wakil yang dipilih, pengurus serta kakitangan supaya mereka boleh menyumbangkan tenaga secara berkesan kepada pembangunan koperasi mereka. Koperasi memberi maklumat kepada rakyat umum khususnya kepada remaja dan pemimpin masyarakat.

### *Prinsip Keenam : BEKERJASAMA DI ANTARA KOPERASI*
Koperasi berkhidmat kepada anggotanya dengan cara yang paling berkesan dan ia memperkukuhkan Gerakan Koperasi jikalau ia bekerja bersama-sama dengan struktur koperasi lain, setempat, nasional, serantau dan antarabangsa.

### *Prinsip Ketujuh : MENGAMBIL BERAT TERHADAP MASYARAKAT*
Koperasi berusaha untuk mendapatkan pembangunan berkekalan bagi masyarakatnya melalui dasar-dasar yang dipersetujui oleh anggotanya.

* Versi ANGKASA 6 Mac 2002 (Jati Diri Koperasi yang diputuskan di Manchester, UK pada 24 September 1995)

# LOGO ANGKASA

## ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD

اڠکتن کوڤراسي کبڠساءن مليسيا برحد

**(Malaysian National Co-operative Movement)**







# SEJARAH **ANGKASA**

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) telah didaftarkan pada 12 Mei 1971 di bawah Ordinan Koperatif 33/1948. ANGKASA ditubuhkan hasil resolusi Kongres Kerjasama Malaysia Kedua pada 20-21 Mac 1971 yang dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak Hussein, Perdana Menteri Malaysia yang kedua.

Pada 23 Mei 1996, kerajaan secara rasminya mengiktiraf ANGKASA sebagai badan puncak yang mewakili gerakan koperasi pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Seperti yang termaktub dalam warta kerajaan, [KTPK. (S) 07/49/1/9; PN. (PU$^2$) 572/III.],

"Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perenggan 57(2)(b) Akta Koperasi 1993, Menteri mengisytiharkan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) sebagai badan yang mewakili pergerakan koperasi Malaysia di peringkat kebangsaan dan antarabangsa".




# ANGKASA

## ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD (ANGKASA)

**NO. DAFTAR:-**
**4630/12/5/71**

**TARIKH DAFTAR:-**
**12 MEI 1971**

ALAMAT IBU PEJABAT:-
WISMA UNGKU A. AZIZ
JALAN SS6/1, KELANA JAYA,
47301 PETALING JAYA,
SELANGOR DARUL EHSAN.
MALAYSIA

KOORDINAT 3.099743,101.601727

No. Tel. : +603 78061977 | +603-78007800
E-mail : apex@angkasa.coop
Laman Web : www.angkasa.coop
@AngkasaCoop

angkasa

# SIJIL PENDAFTARAN



Perakuan Pertukaran Nama

ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD

Bil. Daftar: 4630/12.5.71.

*Bahawa Ketua Pendaftar Koperasi-koperasi, Malaysia, mengesahkan pindaan nama koperasi yang di atas kepada* ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD Rengkasnya: ANGKASA

*menurut pindaan kepada Undang-undang Kecilnya yang telah didaftarkan mengikut seksyen 10 (3) Ordinan Koperasi-koperasi, bilangan 33 tahun 1948.*

*Diperbuat dengan perintah dan dimeterikan dengan mohor Ketua Pendaftar pada hari ini* LAPAN BELAS *haribulan* JANUARI, *tahun seribu sembilan ratus* ~~tujuh puluh~~ LAPAN PULUH.

(HAJI ISMAIL BIN HAJI ABDULLAH)
*Timbalan Ketua Pengarah*
*dengan kuasa dan bagi pihak*
*Ketua Pendaftar Koperasi-koperasi,*
*Malaysia*

Bil. Koop. IP. 2622/1/62.



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

| | | |
|---|---|---|
| Jil. 40<br>No. 11 | **23hb Mei 1996** | *TAMBAHAN No. 29*<br>*PERUNDANGAN (B)* |

**P.U. (B) 215.**

AKTA KOPERASI 1993

PENGISYTIHARAN DI BAWAH PERENGGAN 57(2)*(b)*

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 57(2)*(b)* Akta Koperasi 1993, Menteri mengisytiharkan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) sebagai badan yang mewakili pergerakan koperasi Malaysia di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. *Akta 502.*

Bertarikh 9 Mei 1996.
[KTPK. (S) 07/49/1/9; PN. (PU²) 527/III.]

DATUK OSU BIN HAJI SUKAM,
*Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi*

CO-OPERATIVE SOCIETIES ACT 1993

DECLARATION UNDER PARAGRAPH 57(2)*(b)*

IN exercise of the powers conferred by paragraph 57(2)*(b)* of the Co-operative Societies Act 1993, the Minister declares the Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) to be the body representing the co-operative movement of Malaysia at the national and international level. *Act 502.*

Dated 9 May 1996.
[KTPK. (S) 07/49/1/9; PN. (PU²) 527/III.]

DATUK OSU BIN HAJI SUKAM,
*Minister of Land and Co-operative Development*

# DASAR KOPERASI MALAYSIA 2030




# DASAR KEUSAHAWANAN NASIONAL 2030




# PELAN STRATEGIK ANGKASA 2050 (PESAN50)




# DASAR KOPERASI NEGARA




## KAJIAN SEMULA
# DASAR KOPERASI NEGARA




# PELAN TRANSFORMASI KOPERASI MALAYSIA



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

DASAR KOPERASI MALAYSIA 2030

# DASAR KOPERASI MALAYSIA 2030

**Visi**

Sektor koperasi pemangkin utama pertumbuhan sosioekonomi Malaysia

**Objektif Dasar**

A. **Pertumbuhan ekonomi** — Menyumban pertumbuhan ekonomi Malaysia

B. **Produktif dan aktif** — Membentuk koperasi yang berkemampuan dan kukuh serta diterima oleh rakyat Malaysia

C. **Model perniagaan pilihan** — Meletakkan koperasi sebagai model perniagaan pilihan dalam memacu pembangunan sosioekonomi Malaysia

**Prinsip Asas**

MENYATUKAN | MENDIDIK | MEMBANGUN | BERKEMBANG

**Teras Dasar**

1. Mentransformasikan sokongan koperasi ke arah pembangunan ekosistem yang lebih holistik dan kondusif
2. Meningkatkan kefahaman dan penghayatan prinsip koperasi
3. Meningkatkan kapasiti dan keupayaan koperasi
4. Memajukan sektor koperasi sebagai wahana pembangunan sosioekonim utama

**20 STRATEGI**

**Fokus Industri**

Hospitaliti | Makanan & Minuman | Pembuatan | Pengangkutan | Penjagaan Kesihatan | Perkhidmatan Kewangan | Perkhidmatan Perniagaan | Pertanian | Peruncitan & Pengguna

## Objektif Dasar

Objektif utama DaKoM 2030 adalah seperti berikut:

### Pertumbuhan Ekonomi

Sekt
kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia.

### Produktif dan Aktif

Membentuk koperasi yang berkemampuan dan kukuh serta diterima rakyat Malaysia.

### Model Perniagaan Pilihan

Meletakkan koperasi sebagai model perniagaan pilihan dalam memacu pembangunan sosioekonomi Malaysia.

## Sasaran Dasar

DaKoM 2030 telah menggariskan sasaran strategik bagi memastikan sektor koperasi mencapai aspirasi untuk menjadi pemangkin kepada pertumbuhan sosioekonomi Malaysia pada tahun 2030.

**Sasaran yang ditetapkan adalah seperti berikut:**

- RM60 bilion jumlah perolehan pada 2025 dan RM73 bilion pada 2030
- 62% koperasi aktif pada 2025 dan 65% pada 2030
- 75 skor IndeKA [10] pada 2025 dan 80 pada 2030

[10] Indeks Kesejahteraan Anggota (IndeKA), petunjuk yang dibangunkan untuk mengukur tahap kesejahteraan anggota koperasi

# KERANGKA DKN




| Teras Strategik 1: Membudayakan Keusahawanan Dalam Segenap Lapisan Masyarakat | Teras Strategik 2: Mengoptimumkan Sistem Kawalselia dan Capaian kepada Pembiayaan Kewangan | Teras Strategik 3: Merangsang Pembangunan Keusahawanan Bersepadu dan Holistik | Teras Strategik 4: Memacu Pertumbuhan Ekonomi Melalui Perusahaan Berteraskan Inovasi | Teras Strategik 5: Memantapkan Keupayaan dan Prestasi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana | Teras Strategik 6: Mengantarabangsakan Perusahaan Berpertumbuhan Tinggi |
|---|---|---|---|---|---|
| STRATEGI | | | | | |
| **A1**: Mewujudkan bilangan komuniti usahawan yang optimum ( critical mass )<br><br>**A2**: Memantapkan pelaksanaan pendidikan dan kemahiran keusahawanan | **B1**: Menggalakkan tadbir urus yang baik<br><br>**B2**: Merasionalisasi peranan dan fungsi Agensi Pembangunan Keusahawanan (EDO)<br><br>**B3**: Memantapkan pemantauan dan penilaian keberhasilan dan impak<br><br>**B4**: Memantap dan menambahbaik undang-undang dan peraturan perniagaan<br><br>**B5**: Mengurangkan stigma kebankrapan<br><br>**B6**: Menambahbaik akses pembiayaan dan sistem kewangan yang inklusif untuk usahawan dan perusahaan | **C1**: Memberi sokongan ke arah usaha keusahawanan dalam kalangan Bumiputera, golongan terpinggir dan kumpulan fokus khas<br><br>**C2** : Koperasi sebagai pemacu kepada pembangunan sosioekonomi yang inklusif<br><br>**C3**: Memantapkan pelaksanaan keusahawanan sosial | **D1**: Menyokong perusahaan berteraskan inovasi dan berpertumbuhan tinggi<br><br>**D2**: Memudahcara proses pertukaran teknologi dan inovasi | **E1**: Memperkukuh pelaksanaan Program Pembangunan Vendor<br><br>**E2**: Mempertingkatkan kemahiran keusahawanan dan keupayaan dalam kalangan perusahaan mikro, kecil dan sederhana<br><br>**E3**: Menyediakan bantuan bersasar bagi akses pasaran terutama kepada perusahaan mikro, kecil dan sederhana Bumiputera<br><br>**E4**: Memperkukuh pengurusan rantaian bekalan | **F1**: Memudahcara akses kepada perusahaan tempatan khususnya Bumiputera untuk menembusi pasaran antarabangsa<br><br>**F2**: Menggalakkan rangkaian dan jalinan kerjasama bidang perniagaan |

Sumber: Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi

# MATLAMAT ANGKASA

**Matlamat ANGKASA sebagai badan yang mewakili pergerakan koperasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa ialah:**

- Penggabungan semua koperasi dalam Malaysia;
- Memudahkan operasi koperasi anggota; dan
- Memperjuang, mengawasi dan menjaga kepentingan dan pembangunan pergerakan koperasi;
- Menggalakkan prinsip-prinsip koperasi.

# VISI & MISI

## VISI

**Pemacu Unggul Kelestarian Sosioekonomi Gerakan Koperasi.**

## MISI

**ANGKASA komited untuk menjadi Pemangkin Kecemerlangan Sosioekonomi Gerakan Koperasi ke Arah Globalisasi dengan:**

- **Mempelopori dan Memperkasa Jaringan Serta Rantaian Nilai Sektor Ekonomi Koperasi;**
- **Membudayakan Keusahawanan Dalam Koperasi;**
- **Memperkukuhkan Pengamalan Tadbir Urus Berdasarkan Jati Diri Koperasi; dan**
- **Mentransformasi Landskap Ekonomi Koperasi Selaras Dengan Perkembangan Inovasi dan Teknologi.**

# STRUKTUR ORGANISASI ANGKASA

## LEMBAGA ANGKASA

**PRESIDEN**



DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH ABDULLAH

**TIMBALAN PRESIDEN**



PROF. MADYA DATO' DR. ABDUL RAHMAN ABDUL RAZAK SHAIK

**NAIB PRESIDEN**



DATUK HAJI MOHAMAD ALI HASAN

**NAIB PRESIDEN**



DATO' HAJI KAMARUDIN ISMAIL

**NAIB PRESIDEN**



DATO' HAJI CHE MOHD SHUKREE CHE ISA

**NAIB PRESIDEN**



DATO' HAJI IBRAHIM HAJI ABDULLAH

**ANGGOTA LEMBAGA**
WAKIL KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (KUSKOP)



AZIZUL ALIAS

**ANGGOTA LEMBAGA**
WAKIL KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF)



EZLEEZAN OTHMAN

# PENGERUSI JAWATANKUASA ANGKASA NEGERI MERANGKAP JAWATANKUASA TADBIR KEBANGSAAN



**PENGERUSI JAWATANKUASA ANGKASA NEGERI PAHANG I (TIMUR)**
HAJI MOHD ZAHIDI HAJI HUSAIN



**PENGERUSI JAWATANKUASA ANGKASA NEGERI JOHOR**
HAJI SAZALI ABD. HAMID



**PENGERUSI JAWATANKUASA ANGKASA NEGERI TERENGGANU**
HAJI MOHAMED YUSOFF



**PENGERUSI JAWATANKUASA ANGKASA NEGERI KEDAH**
HAJI WAN IBRAHIM WAN JUSOH



**PENGERUSI JAWATANKUASA ANGKASA NEGERI PAHANG III (BARAT)**
DATO' SYED ALI SYED MOHAMMAD



**PENGERUSI JAWATANKUASA ANGKASA NEGERI PULAU PINANG**
DATO' HAJI MOHD JAMIL OTHMAN



**PENGERUSI JAWATANKUASA ANGKASA NEGERI KELANTAN**
WAN MOHAMAD ZAIN WAN ABDULLAH



**PENGERUSI JAWATANKUASA ANGKASA NEGERI SARAWAK**
WAN AZIZAN WAN ZAINAL ABIDIN



**PENGERUSI JAWATANKUASA ANGKASA NEGERI SABAH**
DR. ZHAMRIEE GULAMRASUL



**PENGERUSI JAWATANKUASA ANGKASA NEGERI WILAYAH PERSEKUTUAN**
HAJAH SHARIFAH AMINAH SYED MOHSSAIN



**PENGERUSI JAWATANKUASA ANGKASA NEGERI PAHANG II (TENGAH)**
DATO' HAJI MOHAMAD HANIFAH BK KOYA MOIDEEN KUTTY



**PENGERUSI JAWATANKUASA ANGKASA NEGERI MELAKA**
HAJI ZAIDAN ABD HADI



**PENGERUSI JAWATANKUASA ANGKASA NEGERI PERLIS**
DR. AMMAR HASSAN



**PENGERUSI JAWATANKUASA ANGKASA NEGERI PERK**
HJ. MOHAMED SHAFIE ABD. KARIM



**PENGERUSI JAWATANKUASA ANGKASA NEGERI NEGERI SEMBILAN**
HAJAH NOORIZAN ABD LATIF



**PENGERUSI JAWATANKUASA ANGKASA NEGERI SELANGOR**
PROF. DR. HAJI MANSOR BIN AHMAD

# JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN (JAD)



**PENGERUSI**
DATO' HAJI SHAHARUDIN MOHD SA'AD



**SETIAUSAHA**
DATO' ZAINI SA'AD



**AHLI JAWATANKUASA**
YM. RAJA RUSMAN RAJA SAMAH



**AHLI JAWATANKUASA**
WAN MASLAN WAN MOHD RASHDI



**AHLI JAWATANKUASA**
DR. MEOR MOHD FAIZUL ABD. KARIM

# PENGURUSAN TERTINGGI

## KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN



**DATO' HAJI ABDULLAH HAJI JUSOH**
019-373 1885
abdullah@angkasa.coop

## JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN (JAD)

## KETUA PEGAWAI PENGURUSAN KUMPULAN



**HAJI ANUAR BULIN**
019-220 8915
anuar@angkasa.coop

## PEJABAT KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN

### BAHAGIAN UNDANG-UNDANG

PENASIHAT UNDANG-UNDANG KUMPULAN
**KOSONG**

### BAHAGIAN KORPORAT ANGKASA



PENGURUS BESAR
**ENCIK HALIM HAJI IBRAHIM**
016-458 0305
halim6158@angkasa.coop

### BAHAGIAN AUDIT DALAMAN, INTEGRITI DAN RISIKO

PENGURUS
**KOSONG**

## KUMPULAN

### TADBIR URUS & PENTADBIRAN



PENGURUS BESAR KANAN
**HAJI ANUAR BULIN**
019-220 8915
anuar@angkasa.coop

### BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA DAN PENGURUSAN ASET



PENGURUS BESAR
**IR. TS. MOHD. RAMLI PARMAN**
016-205 6574
mohdramli@angkasa.coop

### BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SYARIAH



PENGURUS BESAR
**DR. SYAHARINA ABDULLAH**
016-301 5971
syaharina@angkasa.coop

### BAHAGIAN PENGURUSAN SEKRETARIAT DAN TADBIR URUS



PENGURUS BESAR
**ENCIK CHE MAHALIM CHE HASHIM**
012-3492427
mahalim@angkasa.coop

### PENGURUS ANGKASA NEGERI

### HUBUNGAN STRATEGIK



PENGURUS BESAR KANAN
**DR. HAJAH SALMAH ISHAK**
013-344 5054
dr.salmah@angkasa.coop

### BAHAGIAN PENGURUSAN STRATEGIK



PENGURUS BESAR
**ENCIK NAZARUDIN SHAH MAARIS**
019-272 8570
nazarudin@angkasa.coop

### BAHAGIAN ANTARABANGSA

PENGURUS BESAR
**KOSONG**

### PUSAT KECEMERLANGAN ANGKASA

PENGURUS KANAN
**KOSONG**

angkasa

# PENASIHAT KORPORAT



**DATUK HAJI MD. YUSOF HAJI SAMSUDIN**
PENASIHAT KORPORAT (SEKTOR KOPERASI)



**RIHATUN ABDDAH MEOR ZAINAL ABIDIN**
PENASIHAT KORPORAT (KEWANGAN)



**DATO' DR. HJ. NASIRUDDIN OTHMAN**
PENASIHAT KORPORAT (SEKTOR KERAJAAN)

## KETUA PEGAWAI KEWANGAN KUMPULAN



**ENCIK MOHD ISMAIL IBRAHIM**
019-389 4885
ismail@angkasa.coop

## KUMPULAN

### PEMBANGUNAN KOPERASI



PENGURUS BESAR KANAN
**HAJI NOR AZMI ABD JALIL**
012-317 0145
norazmi@angkasa.coop

### BAHAGIAN PERTANIAN ASAS TANI DAN PERLADANGAN



PENGURUS BESAR
**ENCIK MUHAMMAD ZUHID JAMALUDIN**
019-201 3091
zuhid@angkasa.coop

### BAHAGIAN PENDIDIKAN DAN PERNIAGAAN



PENGURUS SEKSYEN PENDIDIKAN
MENANGGUNG TUGAS PENGURUS BESAR
BAHAGIAN PENDIDIKAN DAN PERNIAGAAN
**ENCIK ABU BAKAR BUSMAH**
abubakar@angkasa.coop

### BAHAGIAN PEMBANGUNAN PROJEK, PENGURUSAN HARTANAH DAN PENTADBIRAN, PENGURUSAN BAJET



PENGURUS KANAN
(MENANGGUNG TUGAS PENGURUS BESAR)
**ENCIK JAMAR MAT ALI**
019-284 1936
jamar@angkasa.coop

### BAHAGIAN KOMUNITI, PELANCONGAN DAN KESIHATAN



PENGURUS KANAN
**PUAN AZIAH TALIB**
019-359 0358
aziahtalib@angkasa.coop

### BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PERNIAGAAN KOPERASI KARIAH MASJID



PENGURUS KANAN
**ENCIK MOHD SAFIAN ABDUL RAHMAN**
012-602 9655
safian@angkasa.coop

### PERNIAGAAN KOPERASI



PENGURUS BESAR KANAN
**PUAN NURUL IZATEE MD YUSOFF**
017-2727020
izatee@angkasa.coop

### BAHAGIAN PERDAGANGAN KOMERSIAL

PENGURUS BESAR
**KOSONG**

### BAHAGIAN PENGURUSAN PERNIAGAAN

PENGURUS BESAR
**KOSONG**

### ANAK SYARIKAT

- MyANGKASA Holdings Sdn. Bhd. / Anak Syarikat / Syarikat Bersekutu
- ANGKASA Livestock Sdn. Bhd.
- ANGKASA Resources & Consultancy Sdn. Bhd.

### JARINGAN

- KOPSYA
- Yayasan ANGKASA
- Yayasan Infaq ANGKASA

### KEWANGAN KORPORAT



PENGURUS BESAR KANAN
**ENCIK HAMZAH HJ IBRAHIM**
017-7860078
hamzah@angkasa.coop

### BAHAGIAN PERKHIDMATAN KREDIT DAN KEWANGAN



PENGURUS BESAR
**ENCIK ZAKARIA LAT @ MURAD**
012-253 8055
zakaria@angkasa.coop

### BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT



PENGURUS BESAR
**ENCIK WAN MOHD ASDI WAN MANSOR**
012-2389179
wanasdi@angkasa.coop

### BAHAGIAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN

PENGURUS KANAN
**KOSONG**

# TERAS **ANGKASA**

Pemerkasaan sektor koperasi oleh ANGKASA disokong oleh teras-teras yang berpaksikan kepada Dasar Koperasi Negara (DKN) 2011-2020 melalui lapan (8) sektor pembangunan perniagaan koperasi, perkhidmatan-perkhidmatan ANGKASA dan jaringan Koperasi di peringkat nasional dan global.

ANGKASA sebagai Badan Apeks Koperasi Negara yang mewujudkan jaringan perniagaan berdasarkan Sektor Pembangunan Perniagaan Koperasi akan sentiasa mengukuhkan tadbir urus, modal insan dan memperkasa integriti koperasi bagi melestarikan Gerakan Koperasi Negara.

# STRUKTUR ORGANISASI ANGKASA



# STRUKTUR OPERASI KUMPULAN ANGKASA

**LEMBAGA ANGKASA**

**JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN**

**JAWATANKUASA TADBIR KEBANGSAAN**

**PENGURUSAN TERTINGGI KANAN ANGKASA**

## JAWATANKUASA TEKNIKAL / JARINGAN ANGKASA

- Syariah ANGKASA
- Hisbah Infaq Lil Waqf
- Pemandu Projek-projek Khas
- ANGKASA Niaga
- Kaukus Parlimen
- Kumpulan Pemikir

## PERKHIDMATAN ANGKASA

- Sistem Potongan Gaji ANGKASA (e-SPGA)
- Pendidikan dan Latihan Koperasi
- Khidmat Pembangunan Perniagaan
- Pengurusan Syariah
- Pengurusan Zakat
- Pengurusan Infaq Lil-Waqf
- Tanggungjawab Sosial Koperasi (CSR)
  - Coop Care ANGKASA
- Kutipan dan Pemulihan Kredit (ACCRS)
- Perkhidmatan Pemulihan Koperasi
- Promosi dan Publisiti Gerakan Koperasi
- Sistem Keanggotaan ANGKASA
- Muzium Koperasi Malaysia
- Perpustakaan Koperasi Malaysia
- Sistem Pengurusan Berkomputer ANGKASA (SPBA)
- SPeKAR
- Sistem Tawarruq ANGKASA
- Percukaian Koperasi
- Pusat Sumber Produk Koperasi (CPRC)
- Sistem Pendaftaran AGM Koperasi dan Kiraan Undi Berkomputer
- Koperasi Prihatin Sejuta Pokok
- Product 100 Champion
- Hal Ehwal Antarabangsa

## SEKTOR PEMBANGUNAN PERNIAGAAN ANGKASA

- **Lapan Sektor Peneraju Pembangunan Perniagaan koperasi**
  - Sektor Kewangan
  - Sektor Inovasi dan Teknologi
  - Sektor Pemborongan dan Peruncitan
  - Sektor Perladangan
  - Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan
  - Sektor Pembangunan Komuniti
  - Sektor Hartanah dan Industri Binaan
  - Sektor Pertanian dan Industri Asas tani
- **Projek BA100**
- **MyANGKASA Holdings Sdn. Bhd. (1029674-X)**
  - MyANGKASA Amanah Berhad (1078340-H)
  - MyANGKASA Dialisis Sdn. Bhd. (1032897-W)
  - MyANGKASA Bina Sdn. Bhd. (1033239-W)
  - MyANGKASA Farmasi Sdn. Bhd. (1056018-W)
  - MyANGKASA Services Sdn. Bhd. (1071724-A)
- **MyANGKASA Digital Services Sdn. Bhd. (1229654-V)**
- **PDMA Alor Setar Sdn. Bhd. (1264521-D)**
- **ANGKASA Livestock Dairy Sdn. Bhd. (201901039144 (1348474-T)**
- **ANGKASA Resources & Consultancy Sdn. Bhd. (201801041546 (1303578-M)**
- **MyANGKASA Akademi & Resort Langkawi (MAAR)**
- **MyANGKASA Travel SSM - 202401012355 (1558205-w) MOTAC L/N/12318**

## JARINGAN ANGKASA

- International Co-operative Alliance (ICA)
- International Cooperative Alliance Asia and Pacifi (ICA-AP)
- ASEAN Co-operative Organization (ACO)
- ICA-AP Malaysia Business Office (MBO)
- Koperasi Pembiayaan Syariah ANGKASA Berhad (KOPSYA) (W-6-0717)
- Yayasan ANGKASA (924157D)
- Yayasan Infaq ANGKASA (PPAB-22/2021)
- Konsortium Koperasi
  - Konsortium Koperasi Tanaman Padi Perlis Berhad
  - Konsortium Koperasi Agro Tani Kedah Berhad (nama asal Gabungan Koperasi
  - Pengusaha Tanaman Padi Kedah Berhad)
  - Konsortium Koperasi Ternakan Ikan Negeri Pahang Berhad
  - Konsortium Koperasi Kariah Masjid Berhad
  - Konsortium Koperasi Wanita Malaysia Berhad
  - Konsortium Koperasi Penyayang Terengganu Berhad
  - Konsortium Koperasi Orang Asli Berhad

## PROGRAM RANGSANGAN DAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN KOPERASI

## PELAN INDUK EKONOMI STRATEGIK ANGKASA




**PROJEK-PROJEK UTAMA ANGKASA**

**(TIDAK BERSAING / ANGKASA+RAKAN STRATEGIK)**

angkasa + coop

**PROJEK IMPAK TINGGI YANG DIKETUAI OLEH SEBUAH KOPERASI**

**DUA ATAU LEBIH KOPERASI DALAM FUNGSI YANG SAMA BERSAMA-SAMA DALAM SATU PROJEK (KONSORTIUM)**

# PELAN STRATEGIK ANGKASA 2017 - 2050

**VISI**
Pemacu Unggul Kelestarian
Sosioekonomi Gerakan Kelestarian

**MISI**
ANGKASA komited untuk Menjadi Pemangkin Kecemerlangan
Sosioekonomi Gerakan Koperasi ke Arah Globalisasi dengan:
1. Mempelopori dan Memperkasa Jaringan Serta Rantaian Nilai Sektor Ekonomi Koperasi;
2. Membudayakan Keusahawanan Dalam Koperasi;
3. Memperkukuh Pengamalan Tadbir Urus Berdasarkan Jati Diri Koperasi; dan
4. Mentransformasi Landskap Ekonomi Koperasi Selaras Dengan Perkembangan Inovasi dan Teknologi

| | TONGGAK EKONOMI | TONGGAK EKOSISTEM | TONGGAK ADBIR URUS | TONGGAK INOVASI |
|---|---|---|---|---|
| **HASIL STRATEGIK** | Gerakan Koperasi sebagai Penyumbang Berkesan Kepada Ekonomi Negara | Kepercayaan dan Keyakinan Terhadap Gerakan Koperasi yang Kompeten, Progresif dan Profesional | Warga Koperasi yang Berkaliber, Profesional dan Kompeten sebagai Penggerak Utama Aspirasi ANGKASA ke Arah Globalisasi | Gerakan Koperasi yang Progresif dan Berpotensi dengan Daya Saing Tinggi ke Arah Globalisasi |
| **TERAS STRATEGIK (FOKUS GERAKAN)** | Merangsang Pembangunan Dan Daya Saing Ekonomi Gerakan Koperasi Berdasarkan Ekonomi Kolaboratif bagi Mencapai Sasaran KDNK negara | Memacu Pewujudan Dasar serta Panduan Berkaitan Sumber Manusia, Pasaran, Modal, Undang-undang, Kemahiran Teknikal dan Teknologi bagi Memastikan Pembangunan Sosial, Ekonomi dan Budaya Masyarakat melalui Koperasi | Memantapkan Pembangunan Koperasi melalui Pemerkasaan Modal Insan, Rangka Kerja Tadbir Urus dan Perniagaan | Memperkasakan Daya Saing Koperasi yang Berinovasi dan Progresif melalui Jalinan Simbiotik Industri |
| **TERAS STRATEGIK (FOKUS ANGKASA)** | Membangunkan Apeks yang Berdaya Kewangan dan Mapan | Melestarikan Sistem Pentadbiran, Keupayaan Sumber Manusia dan Keberkesanan komunikasi ANGKASA yang Berinovasi dan Cekap | Memperkukuh Rangka Kerja Tadbir Urus korporat dan Perniagaan serta Pembangunan Modal Insan yang kompeten | Membangunkan ANGKASA sebagai Pusat Kecemerlangan Melalui Inisiatif Penyelidikan dan Pembangunan |

**PELAN TINDAKAN**

| 2017-2020 | 2021-2030 | | 2031-2050 |
|---|---|---|---|
| **PELAN JANGKA PENDEK**<br>**Tema:** Pembangunan Rangka Kerja Pelaksanaan dan Pemantauan Pelan Strategik dan Memperkasakan Misi ANGKASA sebagai APEKS Gerakan Koperasi | **PELAN JANGKA SEDERHANA**<br>**Tema:** Koperasi Menjadi Pilihan Utama Perniagaan | | **PELAN JANGKA PANJANG**<br>**Tema:** Koperasi sebagai Gaya HI |
| **RANCANGAN ANGKASA (2017-2020)** | **RANCANGAN ANGKASA (2021-2025)** | **RANCANGAN ANGKASA (2026-2030)** | **RANCANGAN ANGKASA (2031-2050)** |

**FOKUS KEUTAMAAN DAN PELAN TINDAKAN**

Pelan Strategik ANGKASA (2017 – 2050) dirangka dan disusun bagi mencapai halatuju ANGKASA 2050. Dengan Visi ANGKASA sebagai Pemacu Unggul Kelestarian Sosioekonomi Gerakan Koperasi, empat (4) Tonggak Strategik utama iaitu TONGGAK EKONOMI, TONGGAK EKOSISTEM, TONGGAK TADBIR URUS DAN TONGGAK INOVASI disandarkan. Bagi setiap tonggak, dua (2) Teras Strategik ditetapkan dengan memberi fokus kepada Fokus ANGKASA (untuk memperkukuh infrastruktur organisasi ANGKASA) dan Fokus Gerakan (untuk melestarikan gerakan koperasi yang diterajui ANGKASA).

# PELAN STRATEGIK DAN PELAN TINDAKAN ANGKASA



# PEMBANGUNAN PERNIAGAAN KOPERASI

Fokus ANGKASA adalah kepada lapan (8) sektor berimpak tinggi untuk diceburi koperasi bagi memacu sektor koperasi ke arah berpendapatan tinggi dan menjadi penyumbang berkesan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). ANGKASA telah menubuhkan Jawatankuasa-Jawatankuasa Sektor Peneraju Pembangunan Perniagaan Koperasi yang berikut untuk menggerakkan koperasi dalam bidang sosial dan ekonomi:

- Sektor Kewangan
- Sektor Inovasi dan Teknologi
- Sektor Pemborongan dan Peruncitan
- Sektor Perladangan
- Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan
- Sektor Hartanah dan Industri Binaan
- Sektor Pertanian dan Industri Asas Tani
- Sektor Pembangunan Komuniti

# PEMBANGUNAN PERNIAGAAN KOPERASI



# SEKTOR KEWANGAN

**Visi**

- Sebagai hub dan penyumbang pendapatan utama di dalam Gerakan Koperasi.

**Misi**

- Menjadi platform yang dapat memperkasakan serta melindungi kepentingan dan memperjuangkan hak gerakan koperasi dari konteks perkhidmatan kewangan termasuk dari aspek pengiktirafan, undang-undang, sumber modal dan produk.

**Objektif**

- Menyokong dan merangsang sepenuhnya penubuhan Bank Koperasi yang akan menjadi pusat dana bagi sektor koperasi.
- Memperkasa produk koperasi berunsurkan kewangan untuk kompetitif dan berdaya saing.
- Sebagai platform untuk meminda undang-undang yang tidak mesra koperasi.
- Memperkasa dan mendapatkan pengiktirafan kerajaan agar Sistem Potongan Gaji ANGKASA (SPGA) menjadi ***one stop centre*** untuk sektor koperasi dan bukan koperasi serta disokong sepenuhnya dengan tatacara kelestarian kredit.



# PELAN INDUK EKONOMI STRATEGIK ANGKASA

## *Strategic Economic Masterplan (SEM)*




1. Program Pemerkasaan dan Pemantapan Produk-Produk Kewangan dan Penyelesaian Kredit Bersepadu
2. Program Rangsangan dan Pengukuhan Modal Kerja Sektor Koperasi dan Pemahaman Pemakaian Akta Kewangan
3. Program Perkhidmatan Kutipan dan Pemulihan Kredit ANGKASA (ACCRS)
4. Penanda Aras Sektor Kewangan
5. Persidangan FINTECH Syariah Koperasi
6. CEP 1 Perkhidmatan Kutipan dan Pemulihan Kredit Koperasi ANGKASA (ACCRS)

# SEKTOR PEMBORONGAN DAN PERUNCITAN

**Visi**

- Menjadi pemangkin pembangunan koperasi dalam bidang perniagaan dan keusahawanan yang profesional melalui sektor pemborongan dan peruncitan menjelang tahun 2021.

**Misi**

- Menyediakan program yang berkualiti dan berimpak tinggi serta merangsang penglibatan koperasi dalam sektor pemborongan dan peruncitan melalui pengurusan dan perkhidmatan yang profesional.











# PELAN INDUK EKONOMI STRATEGIK ANGKASA

## *Strategic Economic Masterplan (SEM)*




**PEMBANGUNAN PRODUK**
- Bengkel Review Produk 100 Champion
- Pembangunan Khas Program Pembangunan HALAL
- Program Coaching Koperasi di bawah Program 100 Champion
- Program Pengumpulan Produk Baru

**Program Kepimpinan Modal Insan:**
Kursus Pengukuhan Koperasi (Jatidiri, Prinsip, Falsafah, Kewangan) Kepada Koperasi serta Program Seminar Kepimpinan

**PUSAT KHIDMAT USAHAWAN (PKU)**

**MALAYSIA CARNIVAL OF COOPERATIVE PRODUCTS SERVICES MACCOPS (2014, 215, 2017, 2019)**

**PROMOSI DAN PEMASARAN**
- Promosi Produk Koperasi
- Program Pemasaran Produk HALAL dalam dan luar negara

**CEP**

CEP 1
**Projek Bekalan Barangan Asas(BA100)**
: Bermula Jun 2019

CEP 2
Penubuhan DC Koperasi dan Perkhidmatan Logistik

CEP 3
Penubuhan Hub Produk Koperasi Malaysia di Eropah dan China

## SEKTOR PELANCONGAN, PENJAGAAN DIRI DAN KESIHATAN

### Visi

Membantu koperasi yang terlibat dengan sektor ini untuk lebih berdaya maju dan memberikan impak besar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

### Misi

Meningkatkan kualiti, teknologi, rantaian nilai, promosi dan pemasaran produk dan perkhidmatan pelancongan, penjagaan diri dan kesihatan koperasi.

### Strategi

Mewujudkan jaringan perkhidmatan dan perniagaan pelancongan, penjagaan diri dan kesihatan koperasi.

### Modus Operandi

- Mengenal pasti dan menggalakkan koperasi yang menjalankan aktiviti pelancongan, penjagaan diri dan kesihatan menyertai jaringan dan penjenamaan CoopHotel, CoopStay, CoopSpa, CoopDialisis, CoopFarmasi, CoopTamu, CoopISTAC dan CoopTravel.
- Mengenal pasti dan mewujudkan Hub Pembelian Berpusat di kalangan jaringan dan koperasi.
- Mengenal pasti dan mewujudkan aktiviti huluan dan hiliran di kalangan jaringan dan koperasi.

# PELAN INDUK EKONOMI STRATEGIK ANGKASA

## *Strategic Economic Masterplan (SEM)*




### SUB SEKTOR PELANCONGAN

- Program / Bengkel Projek Jaringan CoopHotel
- Program / Bengkel Projek Jaringan Travel
- Program / Bengkel Projek Jaringan CoopStay mencapai ASEAN Standard
- Program / Bengkel Projek Jaringan CoopTamu
- Program / Bengkel Projek Jaringan CoopISTAC - Pelancongan Koperasi Sekolah

### SUB SEKTOR PENJAGAAN DIRI

Program / Bengkel Projek Jaringan CoopSpa

### SUB SEKTOR KESIHATAN

Program / Bengkel Projek untuk jaringan CoopDialisis

### PEMBANGUNAN PRODUK PELANCONGAN, PENJAGAAN DIRI DAN KESIHATAN

- Program Pensijilan Halal JAKIM CoopHotel
- Program 'Star Rating' CoopSpa
- Program Latihan Kejururawatan CoopDialisis

### CEP

**CEP 1**

Pusat Pembelian Barangan Kesihatan Berpusat serta Penjenamaan COOPFARMASI (PHARMA WELLNESS)

**CEP 2**

Pengembangan Projek Bersama Koperasi Farmasi Negeri Sembilan, Selangor, Kelantan dan Kedah

**CEP 3**

Koperasi Sebagai Pembekal Produk Penjagaan Diri dan Kesihatan

# SEKTOR PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

**Visi**
Menjadikan Sektor Pertanian dan Industri Asas Tani Gerakan Koperasi lebih berdaya maju dan memberi impak yang besar.

**Misi**
Memperkasa koperasi pertanian dengan meningkatkan kualiti, teknologi, rantaian nilai dan pemasaran hasil pertanian dan perladangan.

**Strategi**
- Meningkatkan pendapatan petani dan koperasi.
- Meningkatkan pengeluaran makanan dalam negara.
- Mengurangkan karenah orang tengah.
- Mengawal harga makanan di pasaran.
- Membekalkan pengguna dengan makanan halal dan berkualiti.








# PELAN INDUK EKONOMI STRATEGIK ANGKASA

## *Strategic Economic Masterplan (SEM)*

PROJEK PEMBUNGKUSAN DAN PEMBORONGAN BERAS

PROJEK TERNAKAN LEMBU TENUSU SECARA BERKELOMPOK

PROJEK TANAMAN FERTIGASI (CILI / HALIA)

PROJEK TANAMAN JAGUNG BIJIAN




CEP 1
Projek Ternakan Lembu Tenusu & Heifer's Park
Projek Tanaman Integrasi Jagung Bijian

**05-A**

CEP 1
Projek Lembu Tenusu dan Heifer's Park - Bermula September 2019

CEP 2
Ternakan Lembu Tenusu Berkelompok

CEP 3
Khidmat Mentor-mentee Untuk Koperasi Dan Syarikat Swasta Yang Ingin Terlibat

**05-B**

CEP 1
CEP 1: Projek Tanaman Jagung Bijian

CEP 2
Pengembangan Projek Untuk Proses Huluan dan Hiliran

CEP 3
Projek Tanaman Jagung Bijian di Tanah-tanah koperasi

# SEKTOR PERLADANGAN

**Visi**
Menjadikan sektor perladangan gerakan koperasi lebih berdaya maju dan memberi impak yang besar.

**Misi**
Memperkasakan koperasi perladangan dengan meningkatkan kualiti, teknologi, rantaian nilai dan pemasaran hasil perladangan.

**Strategi**

- Pelaksanaan projek-projek perladangan secara berkelompok dengan menggabungkan koperasi.
- ANGKASA bertindak selaku peneraju dan pemudahcara dalam melaksana projek.
- Pelaksanaan projek secara bersepadu dengan kerjasama agensi-agensi dan jabatan kerajaan serta pihak swasta.
- Mengadakan rundingan dan kerjasama dengan pihak kerajaan untuk memberi keutamaan kepada koperasi dalam perolehan tender, sebut harga, permit dan lesen.







# PELAN INDUK EKONOMI STRATEGIK ANGKASA

## *Strategic Economic Masterplan (SEM)*




**PROGRAM SOKONGAN DAN PROMOSI**
Program bengkel dan taklimat bagi mempromosikan sistem vendor dan francais ANGKASA

**PROGRAM PENUBUHAN NURSERI GETAH KOPERASI SECARA VENDOR**

**PROGRAM PENSIJILAN MSPO KOPERASI SECARA KLUSTER**

**PROGRAM PENUBUHAN KEDAI INPUT PERTANIAN SECARA FRANCAIS**
Kedai input pertanian diwujudkan mengikut sistem francais

**CEP 1:**
Cadangan Projek Pengurusan ladang dan Pensijilan dengan ARC Sdn Bhd




# SEKTOR HARTANAH DAN INDUSTRI BINAAN

## Visi

Peneraju Kecemerlangan Koperasi dengan menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) melalui Sektor Hartanah dan Industri Binaan.

## Misi

- Mengenalpasti dan memajukan perniagaan baru untuk koperasi yang berpotensi.
- Membangun dan memperkukuhkan aktiviti perniagaan koperasi yang sedia ada.
- Mewujudkan jaringan perniagaan koperasi di peringkat nasional dan antarabangsa.
- Merangsang dan membangunkan aktiviti perniagaan koperasi yang terlibat dalam Sektor Hartanah dan Industri Binaan.
- Membina rangkaian perniagaan koperasi dalam bidang ini.
- Menjadi organisasi pemudahcara untuk perancangan pembangunan hartanah dan projek koperasi.

# PELAN INDUK EKONOMI STRATEGIK ANGKASA

## *Strategic Economic Masterplan (SEM)*

PROGRAM PENJENAMAAN PEMBEKALAN BAHAN BINAAN KOPERASI (HARDWARE)
Program 'Coophardware'

PAMERAN DAN EKSPO HAR-TANAH

PROGRAM PEMBANGUNAN JARINGAN PERNIAGAAN HARTANAH KOPERASI




KOPERASI SEBAGAI KONTRAKTOR
Memberi peluang kepada koperasi untuk menjadi vendor projek hartanah

SEMINAR HARTANAH DAN INDUSTRI BINAAN
Program untuk memudahkan koperasi mendapat maklumat mengenai industri hartanah dan binaan

KONSORTIUM KOPERASI HARTANAH NEGARA BERHAD (KKHNB)
PROMOSI
Direktori koperasi hartanah dan Perunding Hartanah Mesra Koperasi

# SEKTOR INOVASI DAN TEKNOLOGI

Penggunaan e-Dagang berpotensi untuk memperluaskan pasaran produk dan perkhidmatan koperasi kepada pasaran terbuka. Pembudayaan teknologi hijau adalah sangat penting sebagai usaha untuk menyokong pemeliharaan alam sekitar dan menjamin kesejahteraan rakyat.

### Visi

Sektor koperasi menjadi entiti perniagaan yang kompetitif, berdaya saing dan berbudaya keusahawanan.

### Misi

ANGKASA sebagai peneraju sektor ekonomi koperasi berperanan untuk membudayakan kemahiran digital dalam gerakan koperasi serta mengaplikasi teknologi moden bagi menambah nilai produk dan perkhidmatan yang berinovasi untuk meningkatkan perolehan dalam bidang ekonomi yang diceburi seperti ;

- Penggunaan e-dagang sebagai agen bagi memperluaskan pasaran produk dan perkhidmatan koperasi kepada pasaran terbuka.
- Penglibatan koperasi dalam bidang telekomunikasi sebagai perniagaan.
- Penglibatan koperasi dalam teknologi hijau sebagai usaha menyokong pemeliharaan alam sekitar dan menjamin kesejahteraan rakyat di samping menghasilkan pendapatan baru.

### Objektif

1. Menyediakan prasarana digital terbaik kepada komuniti koperasi.
2. Menyediakan kemudahan asas e-dagang bagi memperluaskan pasaran dan memantap ekonomi gerakan koperasi.
3. Melahirkan masyarakat koperasi yang celik IT dan bermaklumat.
4. Membudayakan teknologi hijau, menjamin alam sekitar dan kesejahteraan rakyat.







# PELAN INDUK EKONOMI STRATEGIK ANGKASA

## *Strategic Economic Masterplan (SEM)*

PEMBANGUNAN LAMAN WEB JOOMLA PLATFORM
(Pembangunan Laman Web 2.0 Koperasi dengan Platform JOOMLA)

PROGRAM BA100 -
Sistem JimatPOS Projek BA100 Retail Platform (BARP)




E-MARKETPLACE: PORTAL E-COMMERCE eNiaga.coop dan COOP100
Ecommerce eniaga.coop - kolaborasi sync' sistem dengan marketplace popular Shopee dan Lazada dalam konsep multi-channel

SISTEM PENDAFTARAN DAN KIRA UNDI ANGKASA E-ANGGOTA
Implementasi IR4.0 dalam gerakan koperasi Sistem Pendaftaran dan Kira undi untuk Mesyuarat Agung Koperasi atau Organisasi




# SEKTOR PEMBANGUNAN KOMUNITI

**Visi**
Menjadi sektor yang mempunyai kepakaran dalam bidang pembangunan ekonomi dan pendidikan koperasi.

**Misi**
Menyediakan pendidikan yang berkualiti mengenai kesedaran berkoperasi dan merangsang ekonomi, budaya dan sosial komuniti.

Konsortium yang telah ditubuhkan di bawah Sektor ini adalah:

- Konsortium Koperasi Kariah Masjid Malaysia Berhad
- Konsortium Koperasi Penyayang Terengganu Berhad
- Konsortium Koperasi Wanita Malaysia Berhad
    - > Koperasi Wanita
    - > Koperasi Ibu Tunggal
    - > Koperasi Kaum Ibu
- Konsortium Koperasi Kolej Vokasional dan Teknik Malaysia Berhad
- Koperasi Bela Rakyat (KOBERA)
- Koperasi Orang Kurang Upaya (OKU)
- Koperasi Orang Asli

# PELAN INDUK EKONOMI STRATEGIK ANGKASA

## *Strategic Economic Masterplan (SEM)*

### UNIT OKU, ORANG ASLI, KOBERA DAN RUKUN TETANGGA UNIT WANITA DAN KELUARGA / UNIT KOPERASI KARIAH MASJID

- Program / Bengkel Projek melibatkan
- Koperasi di bawah Sektor Komuniti:
- Bengkel Plan Strategik Dan Halatuju Perniagaan
- Konsortium
- Bengkel Pemantapan Perniagaan Bersama
- ANGKASA Niaga
- Bengkel Coop Korban Fidlot 2020
- Bengkel Pemasaran Lembu Korban
- Kursus Asuhan PERMATA
- Sambutan Hari Wanita Desa Antarabangsa
- Gegar Minda Usahanita Koperasi
- Evolusi KepimpinanWanita Arus Perdana
- Bengkel Penubuhan Koperasi Sektor Komuniti
- Bengkel Refleksologi
- Konvesyen Koperasi Sektor Komuniti
- Bengkel Jaringan Produk Komuniti Muslim
- Malaysia Thailand
- Bengkel Kemahiran Dan Asas Perniagaan
- Koperasi Komuniti
- Bengkel Pembangunan Perniagaan Jerai Geopark
- Bengkel Koperasi Institusi Pengajian Tinggi (IPT)
- Penerbitan Buku Siswa dan Sektor Komuniti




**SEKTOR PEMBANGUNAN KOMUNITI**

CEP

Penglibatan Koperasi Komuniti Di bawah Projek-Projek CEP Sektor

# SUBSIDIARI ANGKASA

## MyANGKASA HOLDINGS SDN. BHD.

MyANGKASA Holdings Sdn. Bhd. (MHSB) merupakan anak syarikat milik penuh Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) yang ditubuhkan pada bulan Disember 2012 dan mula beroperasi pada April 2013.

Penubuhan MHSB adalah sebagai sebuah syarikat pegangan bagi menguruskan dan mengembangkan perniagaan ANGKASA melalui subsidiari-subsidiarinya.

Peranan MHSB antara lain adalah untuk membantu, membimbing, menyediakan dan mewujudkan peluang perniagaan untuk Gerakan Koperasi.

Terdapat 8 buah anak syarikat dibawah MHSB yang menjalankan fokus dalam bidang seperti berikut:

- Pembangunan, pengurusan projek hartanah dan pengedaran bahan-bahan binaan
- Farmasi dan pengedaran peralatan perubatan
- Pusat rawatan haemodialisis
- Pengurusan amanah dan pentadbiran harta pusaka
- Industri tenaga boleh baharu
- Pengurusan pelancongan dan umrah
- Pembekalan dan perkhidmatan berkaitan pemborongan dan peruncitan
- Produk dan perkhidmatan kewangan
- Perkhidmatan perundingan

# SUBSIDIARI ANGKASA

## STRUKTUR ANAK SYARIKAT ANGKASA




**PETUNJUK:**

| | | |
|---|---|---|
| MHSB | : | MYANGKASA HOLDINGS SDN BHD |
| ARCSB | : | ANGKASA RESOURCES & CONSULTANCY SDN BHD |
| ALDSB | : | ANGKASA LIVESTOCK & DAIRY SDN BHD |
| MAAB | : | MYANGKASA AMANAH BERHAD |
| MFSB | : | MYANGKASA FARMASI SDN BHD |
| MDSB | : | MYANGKASA DIALISIS SDN BHD |
| MSSB | : | MYANGKASA SERVICES SDN BHD |
| MBSB | : | MYANGKASA BINA SDN BHD |
| MTTSB | : | MYANGKASA TRAVEL & TOURS SDN BHD |
| MTSB | : | MYANGKASA TRADING SDN BHD |
| MGTSB | : | MYANGKASA GREEN TECHNOLOGY SDN BHD |
| MVSB | : | MYANGKASA VENTURES SDN BHD |
| PDMA | : | PUSAT DIALISIS MYANGKASA |

# PERKHIDMATAN ANGKASA UNTUK KOPERASI

ANGKASA melaksanakan program transformasi Gerakan koperasi melalui penyertaan projek ekonomi berimpak tinggi. ANGKASA terus menjalankan khidmat teras iaitu menyediakan pelbagai produk dan perkhidmatan yang berkualiti untuk menyokong dan melengkapi perniagaan koperasi-koperasi yang memerlukan khidmat ANGKASA.

## PERKHIDMATAN ANGKASA

- Sistem Potongan Gaji ANGKASA (SPGA)
- Sistem Keanggotaan ANGKASA (SKA)
- Sistem Pelaporan Kredit ANGKASA dan Experian (SPeKAR)
- Pendidikan dan Latihan Koperasi
- Pengurusan Syariah
- Pengurusan Zakat
- Sistem Tawarruq ANGKASA
- Kutipan dan Pemulihan Kredit (ACCRS)
- Percukaian  Koperasi
- Perkhimatan Pemulihan Koperasi
- Pendidikan dan Latihan Koperasi
- Sistem Pengurusan Berkomputer ANGKASA (SPBA)
- Promosi dan Publisiti Gerakan Koperasi
- Muzium Koperasi Malaysia
- Perpustakaan Koperasi Malaysia
- Sistem Pendaftaran AGM Koperasi dan Kiraan Undi Berkomputer
- Tanggungjawab Sosial Koperasi (CSR) Coop Care ANGKASA
- Koperasi Prihatin Sejuta Pokok

## PEMBANGUNAN KOPERASI

**Lapan Sektor Peneraju Pembangunan Perniagaan koperasi**

- Sektor Kewangan
- Sektor Inovasi dan Teknologi
- Sektor Pemborongan dan Peruncitan
- Sektor Perladangan
- Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan
- Sektor Pembangunan Komuniti
- Sektor Hartanah dan Industri Binaan
- Sektor Pertanian dan Industri Asas tani

### PROJEK BA100

### PRODUCT 100 CHAMPION

## PERNIAGAAN KOPERASI

**MYANGKASA HOLDINGS SDN. BHD.**

- MYANGKASA AMANAH BERHAD
- MYANGKASA FARMASI SDN. BHD.
- MYANGKASA DIALISIS SDN. BHD.
- MYANGKASA BINA SDN. BHD.
- MYANGKASA SERVICES SDN. BHD.
- MYANGKASA TRAVEL & TOURS SDN. BHD.
- MYANGKASA TRADING SDN. BHD.
- MYANGKASA VENTURES SDN. BHD.
- MYANGKASA GREEN TECHNOLOGY SDN. BHD.
- Sistem Pelaporan Kredit ANGKASA & Experian (SPeKAR)

### ANGKASA LIVESTOCK DAIRY SDN. BHD.

### ANGKASA RESOURCES & CONSULTANCY SDN. BHD.

## JARINGAN ANGKASA

- International Cooperative Alliance (ICA)
- International Cooperative Alliance Asia And Pacific (ICA-AP)
- MALAYSIA Business Office (MBO)
- ASEAN Co-operative Organization (ACO)
- Koperasi Pembiayaan Syariah ANGKASA Berhad (KOPSYA)
- Yayasan ANGKASA
- Yayasan Infaq ANGKASA (YIA)
- Konsortium Koperasi

# PERKHIDMATAN KREDIT DAN KEWANGAN

## Sistem Potongan Gaji ANGKASA (SPGA)

- Sistem yang cekap, sistematik, berteknologi tinggi dan terjamin untuk potongan gaji, kutipan bayaran dan pembayaran pinjaman.
- Integrasi dengan Sistem Pelaporan Kredit ANGKASA & Experian (SPeKAR)
- Terbuka kepada kakitangan awam, koperasi dan organisasi.



SPeKAR
SISTEM PELAPORAN KREDIT ANGKASA & EXPERIAN






# PENDIDIKAN DAN LATIHAN KOPERASI

ANGKASA mengendalikan pendidikan dan latihan dalam pelbagai bentuk kepada Anggota, Anggota Lembaga Koperasi, Jawatankuasa Audit Dalaman dan Pengurusan Koperasi dalam bidang:-

- Kursus Asas Koperasi.
- Pembangunan Koperasi Sekolah.
- Pembangunan Koperasi Institusi Pengajian Tinggi.
- Pembangunan Koperator Wanita.

**Pusat Latihan MyANGKASA Akademi dan Resort Langkawi (MAAR)**
MyANGKASA Akademi dan Resort Langkawi (MAAR) yang terletak hanya 10 minit dari pantai Cenang menyediakan tempat kursus, latihan, penginapan dan kemudahan yang lengkap dan kondusif untuk koperasi dan orang awam.

**Sistem Pengurusan Berkomputer ANGKASA (SPBA)**
Sistem Pengurusan Berkomputer ANGKASA (SPBA) menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan dan khidmat nasihat perakaunan khusus untuk membimbing koperasi mengemaskini rekod-rekod perakaunan serta menyediakan penyata kewangan koperasi yang tepat.

**Sistem Pendaftaran Mesyuarat Agung dan Kiraan Undi Berkomputer**

- Sistem Undi Digital ANGKASA merupakan sistem berkomputer yang dibangunkan oleh ANGKASA bagi menjamin ketepatan dan mempercepatkan proses pengiraan undi berbanding kaedah pengiraan undi secara manual.
- Sistem ini mengekalkan kaedah konvensional iaitu memangkah petak calon yang dipilih dengan integrasi sistem komputer.
- Ia dijamin mudah, cepat dan cekap.















# MYANGKASA AKADEMI DAN RESORT LANGKAWI (MAAR)

Selaras dengan hasrat untuk terus memperkukuh pendidikan koperasi, MyANGKASA Akademi dan Resort Langkawi (MAAR) yang terletak di Kedah Darul Aman telah dibangunkan dengan matlamat untuk menyediakan prasarana latihan yang selesa, kadar berpatutan dan persekitaran yang kondusif kepada para koperator dan orang awam.



# KHIDMAT PEMBANGUNAN PERNIAGAAN

Membantu usahawan koperasi membangunkan perniagaan bagi menambahkan pendapatan melalui:

- Program Keusahawanan.
- Membangunkan produk dan perkhidmatan koperasi dan anggota melalui latihan dan penggunaan teknologi.
- Projek khas bagi memperkasa pengusaha-pengusaha dalam bidang terpilih melalui koperasi.
- Mempromosikan produk koperasi di pasaran domestik dan antarabangsa.
- Membantu mempertingkatkan tadbir urus baik koperasi.
- Mentransformasikan koperasi sekolah ke arah peruncitan melalui jaringan kerjasama pembekal dan peruncit.











# PEMATUHAN SYARIAH

## Sijil Pematuhan Syariah

- Memberikan perkhidmatan kepada koperasi untuk mendapatkan perkhidmatan pematuhan syariah seterusnya berpeluang mendapatkan pengiktirafan Pematuhan Syariah Koperasi melalui Sijil Pematuhan Syariah yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Syariah ANGKASA.

- ANGKASA telah dilantik secara rasmi oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sebagai Jawatankuasa Syariah Dalaman sejak 30 Disember 2015 dan sebagai Konsultan Syariah Luaran Koperasi sejak 23 Mac 2017 untuk memartabatkan Maqasid Syariah melalui GP28- Garis Panduan Tadbir Urus Syariah.




## Sistem Tawarruq ANGKASA

- Kemudahan yang disediakan kepada koperasi-koperasi yang menjalankan aktiviti pembiayaan. Sistem ini merupakan instrumen patuh syariah yang komprehensif dan dinamik sejajar dengan keperluan Maqasid Syariah






# ZAKAT DAN INFAQ LIL-WAQF

## ANGKASA Wakil Amil Koperasi

ANGKASA telah mendapat lantikan wakil amil zakat Perniagaan Koperasi yang bertindak membuat taksiran dan kutipan bagi pihak Majlis Agama Islam Negeri dan Pusat Zakat Negeri bagi seluruh Malaysia. Bayaran zakat perniagaan boleh dilakukan dengan mudah dan pantas melalui perkhidmatan percuma oleh Pegawai Zakat ANGKASA yang membantu koperasi membuat taksiran zakat perniagaan.

## Skim Infaq Lil-Waqf

Memudahkan warga koperasi dan pelanggan Sistem Potongan Gaji ANGKASA menderma atau menyumbang sejumlah wang untuk tujuan wakaf secara beransur-ansur atau sekali sumbangan melalui potongan gaji, cek, wang pos, bank draf atau tunai. Dana yang dikumpul disalurkan kepada projek wakaf bagi membangunkan ekonomi anggota koperasi dan masyarakat umum. Dana Infaq Lil-Waqf diselia oleh Jawatankuasa Hisbah Infaq Lil-Waqf ANGKASA melalui kaedah-kaedah kontemporari dan semasa serta inovatif bagi memaksimumkan manfaat wakaf.

# ANGKASA NIAGA

**Projek Rangsangan Perniagaan Koperasi ANGKASA di bawah Pelan Induk Ekonomi Strategik ANGKASA *(Strategic Economic Masterplan).***

ANGKASA menawarkan projek rangsangan pembangunan dan daya saing ekonomi untuk gerakan koperasi bagi meningkatkan sumbangan koperasi sebagai pemacu ekonomi ketiga negara selaras dengan aspirasi dasar ekonomi baru.

- **Projek BA100 - Projek Barang Asas**
  Projek Barang Asas 100 (BA100) merupakan inisiatif ANGKASA untuk merancakkan penyertaan koperasi yang terlibat dalam sektor peruncitan menggunakan platform e-dagang menerusi sistem JiMAT bagi menawarkan harga yang lebih kompetitif kepada pengguna.

- **MyANGKASA Travel & Tours Sdn. Bhd.**
  ANGKASA terus melangkah ke hadapan menerusi penubuhan MyANGKASA Travel & Tours Sdn. Bhd., anak syarikat di bawah MyANGKASA Holdings yang memacu penyertaan koperasi dalam industri pelancongan. Inisiatif ini membuka ruang baharu kepada gerakan koperasi untuk menceburi sektor pelancongan dalam memperkukuh ekonomi koperasi melalui kepelbagaian sumber pendapatan.

- **CoopUmrah**
  CoopUmrah merupakan salah satu inisiatif ekonomi berimpak tinggi yang dibangunkan oleh ANGKASA sebagai usaha memartabatkan aktiviti ekonomi gerakan koperasi negara, khususnya dalam sektor pelancongan koperasi. Selain ketelusan serta kualiti perkhidmatan yang lebih terjamin kepada para jemaah, CoopUmrah turut menawarkan pelbagai kelebihan eksklusif bagi memastikan warga koperasi dapat menikmati kemudahan dan manfaat khususnya menerusi mekanisme potongan gaji. Pakej yang ditawarkan melalui CoopUmrah dijamin oleh ANGKASA, meliputi aspek kewangan yang telus tanpa kos tersembunyi, tiket penerbangan dan penginapan hotel yang telah tersedia, penggunaan muassasah yang diiktiraf, penyediaan kursus umrah serta bimbingan mutawwif berpengalaman.








# BADAN PENSIJILAN KOPERASI

Penubuhan ANGKASA Research & Certification Sdn. Bhd. atau ARC Sdn. Bhd. adalah hasil daripada Memorandum Persefahaman antara ANGKASA dengan Jabatan Standard Malaysia (Standard Malaysia) yang telah ditandatangani pada 9 Mac 2018.

Syarikat yang merupakan anak syarikat milik penuh ANGKASA ini telah diluluskan penubuhannya oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia pada 29 Ogos 2018 dan seterusnya didaftarkan di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia pada 14 November 2018.

Kini dikenali sebagai ANGKASA Resources & Consultancy Sdn. Bhd., ARC sedia membantu perniagaan terutama koperasi di seluruh Malaysia bagi mengurus kewangan secara lebih cekap, telus dan mematuhi piawaian semasa. Antara perkhidmatan utama:

- **Badan Pensijilan**
  Aktiviti utama Badan Pensijilan adalah mengesahkan pengurusan koperasi mengikut Standard ISO yang telah ditetapkan. Pengesahan ini dibuat melalui aktiviti pengauditan (Audit pemantauan) sebanyak sekali dalam masa setahun. Pada peringkat permulaan ARC Sdn. Bhd. akan memberi fokus kepada MS ISO 9001:2015 iaitu Sistem Pengurusan Kualiti dan MS ISO 37001:2016 iaitu Sistem Pengurusan Anti Rasuah.

- **Kursus Persijilan**
  ARC Sdn. Bhd. menawarkan kursus yang meningkatkan kompetensi dan professionalisme di kalangan peserta kursus. Kursus ini menawarkan sijil bagi mengiktiraf peserta memberi nasihat dan membimbing koperasi dalam sesuatu bidang yang diperlukan oleh koperasi.

  Pada masa kini ARCSB telah menjalankan pelbagai kursus seperti keselamatan dan audit dalaman kepada lembaga koperasi dan kakitangan koperasi.

- **Perundingan ke Arah Pensijilan MSPO**
  ARCSB menawarkan perkhidmatan perundingan kepada koperasi-koperasi perladangan yang ingin mendapatkan Pensijilan MS2530-3 Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO).

# TANGGUNGJAWAB SOSIAL KOPERASI (CSR) COOPCARE ANGKASA

ANGKASA komited melaksanakan program tanggungjawab sosial koperasi (CSR) CoopCare selaras dengan prinsip koperasi yang ketujuh iaitu mengambil berat terhadap masyarakat melalui pelbagai program dan aktiviti kemasyarakatan, kemanusiaan, advokasi dan kesukarelawanan yang menyumbang kepada pembangunan sosial.

Aktiviti kesukarelawanan, social-enterprise dan kebajikan di bawah payung 'CoopCare' ANGKASA dilaksanakan menerusi kerjasama warga ANGKASA, subsidiari, anggota koperasi dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang sentiasa bersedia dan komited untuk menjalankan khidmat tanggungjawab sosial.









# PROMOSI DAN PUBLISITI GERAKAN KOPERASI

ANGKASA menawarkan perkhidmatan mempromosikan produk dan perkhidmatan melalui media rasmi ANGKASA iaitu Wadah PELANCAR yang diedarkan kepada koperasi ahli ANGKASA, aplikasi mudah alih ePELANCAR, penyediaan produk audio visual seperti video korporat, iklan, video promosi dan rekaan grafik serta promosi melalui media sosial di Facebook, Twitter, Youtube dan Instagram. Ini merupakan saluran terbaik untuk koperasi meningkatkan publisiti dan penjenamaan. ANGKASA juga telah mengurus, mengendalikan dan menjalin hubungan baik dengan organisasi media massa.











# MUZIUM KOPERASI MALAYSIA

Muzium Koperasi Malaysia merupakan muzium koperasi pertama yang mempamerkan pelbagai artifak dan dokumen mengenai sejarah koperasi di Malaysia. Dibuka pada Tahun 2011, ANGKASA berhasrat untuk memulihara dan menyimpan pelbagai artifak dan dokumen koperasi yang mempunyai nilai sejarah dan warisan negara yang amat berharga kepada masyarakat dan generasi akan datang.






# PERPUSTAKAAN KOPERASI MALAYSIA

Perpustakaan Koperasi Malaysia yang dikenali pada awalnya sebagai Pusat Sumber dan Arkib ANGKASA telah mula dibuka pada tahun 1997. Perpustakaan ini mempunyai 80% koleksi bahan-bahan rujukan yang memfokus kepada koperasi. Perpustakaan Koperasi Malaysia mempunyai Koleksi Monograf, Koleksi Buku Persidangan Kebangsaan dan Negeri, Koleksi Kertas Kerja Seminar dan artikel-artikel yang boleh dijadikan sebagai sumber rujukan kepada anggota-anggota koperasi dan para penyelidik.









# JARINGAN ANGKASA

Jaringan ANGKASA di peringkat nasional dan global kini lebih berdaya saing dan berpotensi besar serta menjadi pemangkin perhubungan koperasi Malaysia dengan koperasi antarabangsa melalui pelbagai aktiviti yang boleh meningkatkan pencapaian gerakan koperasi dalam pelbagai bidang. ANGKASA berhasrat menjadi 'pintu' kepada peluang dan potensi yang membawa perniagaan koperasi ke persada global.

# JARINGAN ANGKASA

International Cooperative Alliance (ICA)

International Cooperative Alliance Asia and Pacific (ICA-AP)
Malaysian Business Office (MBO)

ASEAN Co-operative Organization (ACO)

KOPSYA ANGKASA

Yayasan ANGKASA

Yayasan Infaq ANGKASA



Konsortium Koperasi

# PERHUBUNGAN ANTARABANGSA

## INTERNATIONAL COOPERATIVE ALLIANCE (ICA)

coop International Cooperative Alliance

- ANGKASA telah menganggotai International Cooperative Alliance (ICA) sejak tahun 1972. Penglibatan dan peranan aktif ANGKASA di peringkat serantau ASEAN serta global telah mendapat pengiktirafan antarabangsa apabila Malaysia dipilih sebagai Tuan Rumah International Cooperative Alliance Global Conference and General Assembly (ICA-KL) yang telah berlangsung di Kuala Lumpur pada tahun 2017.

- Sebagai badan apeks gerakan koperasi negara, ANGKASA berperanan sebagai penghubung strategik, wakil rasmi dan penyelaras antara gerakan koperasi Malaysia dengan rangkaian koperasi antarabangsa termasuk International Cooperative Alliance (ICA), International Cooperative Alliance Asia and Pacific (ICA-AP), ASEAN Co-operative Organization (ACO) serta badan-badan apeks koperasi di peringkat global.

- Peranan ini dilaksanakan bagi memperkukuh kerjasama antarabangsa, memperluas jaringan strategik, memperkasa perkongsian inovasi, kemahiran dan amalan terbaik serta memastikan kepentingan dan suara gerakan koperasi Malaysia terus diiktiraf dan berpengaruh di peringkat antarabangsa.








# INTERNATIONAL COOPERATIVE ALLIANCE ASIA AND PACIFIC (ICA-AP) MALAYSIAN BUSINESS OFFICE (MBO)

International Cooperative Alliance Asia and Pasific




- Penubuhan Malaysian Business Office (MBO) pada tahun 2013 merupakan satu pencapaian penting dalam memperkukuh agenda perdagangan koperasi di rantau Asia Pasifik. Penubuhan MBO bermula dengan kelulusan yang diperoleh semasa Perhimpunan Serantau ICA-AP di Kobe, Jepun pada tahun 2012.

- MBO diwujudkan sebagai pusat penyelarasan dan pelaksanaan aktiviti di peringkat Asia Pasifik yang berperanan untuk menggerakkan inisiatif perdagangan dan perniagaan koperasi. Dengan penglibatan aktif daripada *All China Federation of Supply and Marketing Cooperatives* (ACFSMC), *Japanese Consumers' Co-operative Union* (JCCU), *National Agricultural Cooperative Federation* (NACF) Korea dan ANGKASA Malaysia, MBO berkembang sebagai hab yang aktif dalam menganjurkan misi perdagangan, bengkel, pameran, ekspo produk dan perkhidmatan koperasi dan dialog perniagaan koperasi.

- Sebagai Sekretariat kepada Jawatankuasa Perdagangan dan Perniagaan (*Trade and Business Committee)* ICA-AP, MBO masih lagi dipertanggungjawabkan untuk mengukuhkan jaringan kerjasama antara koperasi, menyelaras pelbagai program pembangunan perniagaan, serta memperluas peluang pasaran di peringkat serantau.

- Mandat ini juga menjadikan MBO sebagai pemangkin kepada perkongsian pengetahuan, inovasi dan kolaborasi strategik antara koperasi, seiring dengan usaha meletakkan gerakan koperasi sebagai pemacu utama dalam pembangunan ekonomi dan perdagangan berteraskan perniagaan koperasi di rantau Asia Pasifik.

# ASEAN CO-OPERATIVE ORGANIZATION (ACO)

- ASEAN Co-operative Organization (ACO) yang ditubuhkan melalui deklarasi bersama gerakan koperasi ASEAN pada Disember 1977 berfungsi sebagai badan penyatu dan platform strategik utama bagi gerakan koperasi di rantau ASEAN. ACO mewakili suara kolektif 347,599 buah koperasi dengan 66.6 juta anggota di seluruh negara anggota ASEAN.

- Peranan utamanya adalah untuk melaksanakan gerak kerja advokasi di peringkat serantau bagi memastikan sektor koperasi diiktiraf secara rasmi sebagai pemacu utama "ekonomi kemanusiaan" yang inklusif. ACO juga berperanan untuk menyelaras kerjasama diantara badan puncak, agensi dan kementerian berkaitan koperasi di ASEAN melalui perkongsian data dan amalan terbaik, serta memperjuangkan agenda pembangunan koperasi dalam kerangka kerja Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC).

- Bagi menyokong pembangunan koperasi secara langsung, Pejabat Sekretariat ACO menyediakan pelbagai perkhidmatan dan bantuan teknikal. Ini termasuk menyelaras sesi padanan perniagaan (*business matching*) melalui pelbagai program lawatan penanda aras (*benchmarking visit*) bagi koperasi-koperasi Malaysia ke negara-negara ASEAN, Timor Leste, dan negara-negara Oceania.

- Presiden ANGKASA telah dipilih semula sebagai Presiden ACO bagi tempoh 2022 hingga 2026.






# KOPERASI PEMBIAYAAN SYARIAH ANGKASA (KOPSYA)

## Produk dan Perkhidmatan KOPSYA

**PELABURAN KOPERASI**

- Al Jadwa (manfaat) untuk koperasi sekolah
- Al Tathmir (keuntungan) jangka pendek
- Akaun Pelaburan Al Wafi
- Projek Khas Pembiayaan




**SIMPANAN & PELABURAN AHLI KOPERASI**

- Al Intisor (Serbaguna)
- Al Najah (Pendidikan)
- Al Ziyadah (Pelaburan jangka pendek, Mudharabah)
- Al Mathwa (Perumahan)
- Al Tawfir (Pelaburan jangka panjang, al- wakalah bi al-istithmar)
- Al Mabrur (Hajj & Umrah)




**PEMBIAYAAN KOPERASI**

- Al Intaj (Produktiviti) untuk Koperasi Sekolah
- Al Mumtaz Projek IKS
- Kewangan Al Tijari
- Al Aqari (Aset Tetap) Kaedah MM

# YAYASAN ANGKASA

Memberi pembiayaan kepada anggota koperasi, anak-anak anggota dan kakitangan dan anak kakitangan ahli ANGKASA yang melanjutkan pengajian di peringkat ijazah sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah di Institusi Pengajian Tinggi awam dan swasta dalam negara.



# YAYASAN INFAQ ANGKASA

Yayasan Infaq ANGKASA (YIA) telah diasaskan oleh Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) dan secara rasminya telah diluluskan dan didaftarkan di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] oleh YB Menteri Datuk Seri Takiyudin bin Hassan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 9 Julai 2021 dengan nombor pendaftaran PPAB-22/2021.

Yayasan Infaq ANGKASA (YIA) juga dahulu dikenali sebagai Skim Infaq Lil-Waqf ANGKASA yang diuruskan oleh Unit Kutipan dan Pengurusan Dana Infaq Lil-Waqf, Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Syariah ANGKASA.

Penubuhan Yayasan Infaq ANGKASA (YIA) adalah untuk mengembangkan dan meluaskan lagi fungsi infaq Lil-Waqf sedia ada dengan mengekalkan objektif yang sama iaitu untuk menggalakkan orang ramai agar berinfaq bagi tujuan berwakaf.

# KONSORTIUM KOPERASI

ANGKASA telah menubuhkan beberapa konsortium koperasi yang merupakan gabungan koperasi untuk memperkasa dan memperkukuh koperasi supaya lebih berdaya saing serta mewujudkan peluang perniagaan yang berskala besar. Di antara konsortium yang telah ditubuhkan adalah:

- Konsortium Koperasi Tanaman Padi Negeri Kedah Berhad
- Konsortium Koperasi Tanaman Padi Negeri Perlis Berhad
- Konsortium Koperasi Ternakan Ikan Sangkar Negeri Pahang Berhad
- Konsortium Koperasi Hartanah Negara Berhad
- Konsortium Koperasi Kariah Masjid Malaysia Berhad
- Konsortium Koperasi Penyayang Terengganu Berhad
- Konsortium Koperasi Wanita Malaysia Berhad
- Konsortium Koperasi Kolej Vokasional dan Teknik Malaysia Berhad



# PENGIKTIRAFAN ANGKASA

Sebagai sebuah badan puncak gerakan koperasi negara, ANGKASA berusaha memastikan sistem pengurusan dan pentadbiran adalah berasaskan tadbir urus baik. Oleh itu, bagi memantapkan pengurusan, satu Sistem Pengurusan Kualiti ANGKASA dilaksanakan berdasarkan Standard ISO 9001 bermula tahun 1999.

Pada tahun 2016, ANGKASA memulakan proses transisi piawaian daripada ISO 9001:2008 kepada ISO 9001:2015 berdasarkan kepada keperluan Standard Antarabangsa yang memerlukan setiap organisasi memperolehi standard terkini iaitu standard kepimpinan dan mengenalpasti risiko serta peluang.

ANGKASA telah mendapat pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti (ISO 9001:2015). Selain daripada itu juga, ANGKASA telah dianugerahkan Cyber Security Organization of The Years di bawah kategori Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS ISO 27001:2013). Pengiktirafan ini penting bagi tujuan memberi kepercayaan dan kepuasan pelanggan-pelanggan yang menggunakan khidmat ANGKASA. Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISO 27001:2013) diaudit setiap tahun oleh SIRIM QAS International.

Sijil ISO/IEC 27001:2013
**SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT**

SIJI L ISO 9001:2015
**SISTEM PENGURUSAN KUALITI**

SIJIL ISO 37001 :2016
**SISTEM PENGURUSAN ANTI-BRIBERY**

# PEMATUHAN DAN PENGIKTIRAFAN

ARC Sdn. bhd. ditubuhkan sebagai hasrat untuk menjadi badan pensijilan kepada sektor koperasi yang berperanan mengiktiraf pengurusan sesebuah koperasi menepati standard ISO yang telah ditetapkan di peringkat antarabangsa. ARC juga berperanan menjalankan kajian penyelidikan untuk manfaat sektor koperasi dan pihak berkepentingan di negara ini.

Dalam memperkenalkan standard kepada sektor koperasi, ANGKASA merancang bersama-sama Jabatan Standard Malaysia untuk membangunkan satu standard khas untuk koperasi. Standard ini akan membantu koperasi dalam menjalankan pengurusan operasi koperasi selaras dengan Akta dan Garis Panduan SKM serta Undang-undang kecil koperasi.

ISO 37001 Anti-Bribery Management Systems (ABMS 37001) adalah satu piawaian yang memberi panduan kepada ANGKASA untuk mencegah, mengesan dan mengambil tindakan ke atas rasuah dan seterusnya mematuhi peruntukan undang-undang, peraturan dan garis panduan yang berkaitan. Objektif pelaksanaan ISO ABMS 37001:2016 adalah sebagai langkah pencegahan, pengesanan dan bertindak balas ke atas rasuah untuk membentuk budaya kerja yang lebih berintegriti. Sigfinikan pelaksanaan ISO ABMS 37001 di ANGKASA adalah untuk memberi amaran dan peringatan kepada individu agar menjauhi rasuah. Sehubungan dengan itu ANGKASA telah mengambil persijilan ISO ABMS 37001 pada tahun 2017 sebagai komitmen untuk mencegah jenayah rasuah berlaku.

# PEMATUHAN DAN PENGIKTIRAFAN

ANGKASA juga komited terhadap usaha mengekalkan dan meningkatkan integriti di kalangan kakitangan dan lembaga bagi memastikan ANGKASA sentiasa relevan untuk memberi perkhidmatan kepada negara melalui gerakan koperasi. ANGKASA telah menyatakan komitmen tersebut kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) apabila berjaya memenuhi keperluan integriti melalui Ikrar Integriti Korporat atau Corporate Integrity Pledge (CIP). Pelbagai Kursus Integriti dan Taklimat Pencegahan Rasuah diadakan sehingga satu Unit Integriti bersama kakitangan yang diiktiraf sebagai *Certified Integrity Officer* (CeIO) diwujudkan.

Pengiktirafan ANGKASA juga diterima apabila ANGKASA telah diiktiraf oleh Majlis Agama Islam Negeri-Negeri seluruh Malaysia untuk melaksanakan tugas sebagai amil zakat perniagaan koperasi. Ini merupakan satu pengiktirafan utama kerana ANGKASA merupakan satu-satunya organisasi yang telah diberikan amanah tersebut.




menerima

# ANUGERAH GANGSA

## (SEKTOR SWASTA)

ANUGERAH INTEGRITI, GOVERNANS DAN ANTIRASUAH (AIGA) 2025

pada

**Majlis Amanat Perdana Integriti Nasional (MAPIN) dan Penyampaian Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) 2025**

**22 OKTOBER 2025**

# POLISI ANTIRASUAH ANGKASA

ANGKASA menggunapakai "SIFAR RASUAH" dan komited untuk memastikan Polisi Antirasuah sentiasa dipatuhi dengan menerapkan nilai-nilai murni seperti sadik, amanah dan telus dalam produk dan perkhidmatan ANGKASA.

ANGKASA komited untuk:

i) Memahami dan mematuhi undang-undang, peraturan dan lain-lain arahan berkaitan antirasuah yang berkuatkuasa.

ii) Menerapkan elemen antirasuah dalam penggubalan dasar bagi meningkatkan kawalan dalaman terhadap kelemahan tadbir urus dan pelanggaran integriti.

iii) Mengenal pasti, mengkaji kelemahan dan menambahbaik sistem dan prosedur kerja yang boleh membuka ruang dan peluang kepada perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan.

iv) Menyemai, mendidik dan membudayakan integriti serta memperkukuhkan tadbir urus dalam penyampaian perkhidmatan.

v) Memperkasa dan menyebarluaskan mekanisme pelaporan perlakuan rasuah dan penyalahgunaan kuasa serta penyelewengan.

vi) Memastikan pematuhan kepada peraturan, mengambil tindakan punitif terhadap pelanggaran tatakelakuan dan melaksanakan usaha pemulihan.

Pelanggaran polisi ini oleh Ahli Lembaga, Kakitangan ANGKASA dan rakan perniagaan boleh mengakibatkan organisasi didenda dan menyebabkan pandangan negatif terhadap reputasi ANGKASA sebagai badan apeks.

Disahkan Oleh :

**DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH ABDULLAH**
PRESIDEN
ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD
Tarikh : 1 Mac 2022

# DASAR KUALITI ANGKASA

ANGKASA beriltizam untuk memberi perkhidmatan kepada koperasi selaras dengan kehendak Undang-Undang Kecilnya. ANGKASA juga akan terus menerus berusaha meningkatkan dan memperbaiki mutu perkhidmatannya kepada ahli dan pelanggan melalui pemantauan serta penganalisaan objektif-objektif kualitinya.

# OBJEKTIF KUALITI ANGKASA

Memberi perkhidmatan dengan sadik, amanah dan telus serta berkualiti melalui:

1. Program pelajaran, penerangan dan perkhidmatan kepada koperasi- koperasi dengan cekap dan berkesan.

2. Sistem potongan gaji yang bermutu melalui proses kutipan dan agihan bayaran terjamin, tuntutan potongan dan bayaran dengan tepat dan cepat, penyediaan maklumat terkini dan telus serta kaedah sistem potongan yang mudah.

3. Proses pembayaran yang cepat dan betul.

4. Pengurusan persidangan, mesyuarat dan perhubungan keahlian yang cekap.

5. Membendung penyelewengan / penipuan serta menjaga aspek keselamatan ANGKASA.

# DIREKTORI ANGKASA

# ANGGOTA LEMBAGA ANGKASA



## PRESIDEN

**Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah**
SMW., DIMP., SMP., AMP., PPN.
Presiden ANGKASA

Pejabat Presiden
Aras 6, Ibu Pejabat ANGKASA
Wisma Ungku A. Aziz
Jalan SS 6/1, Kelana Jaya
47301 Petaling Jaya, Selangor

No. Tel. Bimbit : 019-988 2174
E-Mel : president@angkasa.coop
: dato.fattah@angkasa.coop
: president.angkasa@gmail.com

Setiausaha : Pn. Nor Razlina Razelan
No. Tel. : 03-7800 7878
No. Tel. Bimbit : 013-292 8120
E-Mel : razlina@angkasa.coop
: razlina75.angkasa@gmail.com



## TIMBALAN PRESIDEN

**Prof. Madya Dato' Dr. Abdul Rahman Abdul Razak Shaik**
DIMP., JSM., PMP., AMP.
Timbalan Presiden ANGKASA
Merangkap Pengerusi Kumpulan Perniagaan Koperasi

Pejabat Timbalan Presiden
Aras 6, Ibu Pejabat ANGKASA
Wisma Ungku A. Aziz
Jalan SS 6/1, Kelana Jaya
47301 Petaling Jaya, Selangor

No. Tel. Bimbit : 019-382 9383
E-Mel : abdulrahmansh@angkasa.coop
: abdulrahmansh.angkasa@gmail.com

Setiausaha : Pn. Hasnida Baharom
No. Tel. : 03-7800 7811
No. Tel. Bimbit : 019-573 2841
E-Mel : hasnida@angkasa.coop
: hasnida.angkasa@gmail.com

*(Tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa)*



## Datuk Hj. Mohamad Ali Hasan, DMSM.
Naib Presiden ANGKASA
Merangkap Pengerusi Kumpulan Tadbir Urus dan Pentadbiran

Pejabat Naib Presiden
Aras 6, Ibu Pejabat ANGKASA
Wisma Ungku A. Aziz
Jalan SS 6/1, Kelana Jaya
47301 Petaling Jaya, Selangor

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. Bimbit | : | 019-282 8847 |
| E-Mel | : | datuk.alihasan@angkasa.coop |
| | : | alihasanangkasa@gmail.com |
| Setiausaha | : | Pn. Fazilaton Khamis |
| No. Tel. | : | 03-7800 7812 |
| No. Tel. Bimbit | : | 019-380 0109 |
| E-Mel | : | aton@angkasa.coop |
| | : | aton75.angkasa@gmail.com |



## Dato' Hj. Kamarudin Ismail, DIMP.
Naib Presiden ANGKASA
Merangkap Pengerusi Kumpulan Pembangunan Koperasi

Pejabat Naib Presiden
Aras 6, Ibu Pejabat ANGKASA
Wisma Ungku A. Aziz
Jalan SS 6/1, Kelana Jaya
47301 Petaling Jaya, Selangor

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. Bimbit | : | 019-322 2254 |
| E-Mel | : | dato.kamarudin@angkasa.coop |
| | : | hj.kamarudin57@gmail.com |
| Setiausaha | : | Pn. Siti Hajar Daud |
| No. Tel. | : | 03-7800 8139 |
| No. Tel. Bimbit | : | 012-217 4794 |
| E-Mel | : | sitihajardaud@angkasa.coop |
| | : | sitihajar74.angkasa@gmail.com |



## Dato' Hj. Che Mohd Shukree Che Isa, DIMP.
Naib Presiden ANGKASA
Merangkap Pengerusi Kumpulan Kewangan Korporat

Pejabat Naib Presiden
Aras 6, Ibu Pejabat ANGKASA
Wisma Ungku A. Aziz
Jalan SS 6/1, Kelana Jaya
47301 Petaling Jaya, Selangor

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. Bimbit | : | 019-660 7131 |
| E-Mel | : | dato.shukree@angkasa.coop |
| | : | shukree.angkasa@gmail.com |
| Setiausaha | : | Pn. Nur Aimie Rosli |
| No.Tel. | : | 03-7884 6542 |
| No. Tel. Bimbit | : | 019-380 0283 |
| E-Mel | : | nuraimie@angkasa.coop |
| | : | nuraimie.angkasa@gmail.com |



## Dato' Hj. Ibrahim Hj. Abdullah
DBNS., DNS., AMN., PPT., PMC., PJK., PBBM.
Naib Presiden ANGKASA

Pejabat Naib Presiden
Aras 6, Ibu Pejabat ANGKASA
Wisma Ungku A. Aziz
Jalan SS 6/1, Kelana Jaya
47301 Petaling Jaya, Selangor

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. Bimbit | : | 019-652 1150 / 019-355 97 |
| E-Mel | : | ibrahim@angkasa.coop |
| | : | ibrahim.angkasa@gmail.com |
| Setiausaha | : | Shariffah Fairuz Hj. Syed Ahmad |
| No.Tel. | : | 03-78846483 |
| No. Tel. Bimbit | : | 019-3800151 |
| E-Mel | : | sh.fairuz@angkasa.coop |
| | : | fairuz.angkasa@gmail.com |

# ANGGOTA LEMBAGA ANGKASA



**En. Azizul Alias**
Anggota Lembaga ANGKASA
Wakil Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi


Setiausaha Bahagian
Bahagian Pembangunan Koperasi, Penjaja dan Peniaga Kecil (BKPPK)
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)
Aras 2, Blok E4/5, Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62668 Wilayah Persekutuan Putrajaya

No. Tel. Bimbit : 019-211 6831
E-Mel : azizul.alias@kuskop.gov.my
: azizul.alias@angkasa.coop

Setiausaha : Pn. Nurul Nadiah Abd. Aziz
No. Tel. : 03-8883 6271
E-Mel : nadiah.aziz@kuskop.gov.my




**En. Ezleezan Othman**
Anggota Lembaga ANGKASA
Wakil Kementerian Kewangan (MOF)


Ketua Seksyen
Bahagian Cukai (TAX)
Aras 6, Blok Tengah
Kompleks Kementerian Kewangan
Presint 2, 62592 Wilayah Persekutuan Putrajaya

No. Tel. : 03-8882 3345
No. Tel. Bimbit : 013-259 7030
E-Mel : ezleezan.othman@mof.gov.my

Setiausaha : Pn. Fatimah Adilah Ibrahim
No. Tel. : 03-8882 6378
E-Mel : fatimah.ibrahim@treasury.gov.my


*(Tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa)*

# ANGGOTA JAWATANKUASA TADBIR KEBANGSAAN
## PEJABAT ANGKASA NEGERI

### PAHANG TIMUR

**Tn. Hj. Mohd Zahidi Hj. Husain**
AMP., PKC., PKT.
Pengerusi
Jawatankuasa ANGKASA
Negeri Pahang Timur

Pejabat ANGKASA Negeri Pahang Timur
B-268, Tingkat 1
Jalan Darat Makbar
25000 Kuantan, Pahang

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. | : | 09-513 7586 |
| | : | 09-513 0246 |
| No. Tel. Bimbit | : | 019-952 1144 |
| E-Mel | : | hj.zahidi@angkasa.coop |
| | : | jpn_pahang1@angkasa.coop |

### SELANGOR

**Dato' Hj. Mohd Alias Hamzah**
DIMP., JMW., AMW.
Pengerusi
Jawatankuasa ANGKASA
Negeri Selangor

Pejabat ANGKASA Negeri Selangor
No. C-105, Blok C, Glomac Business Centre
Jalan SS 6/1, Kelana Jaya
47301 Petaling Jaya, Selangor

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. | : | 03-7880 7270 |
| No. Tel. Bimbit | : | 019-372 5875 |
| E-Mel | : | dato.alias@angkasa.coop |
| | : | aliaspencinta@gmail.com |
| | : | jpn_selangor@angkasa.coop |

### JOHOR

**Tn. Hj. Sazali Abd. Hamid**
Pengerusi
Jawatankuasa ANGKASA
Negeri Johor

Pejabat ANGKASA Negeri Johor
No. 19, Tingkat 4
Jalan Padi Emas 1/8, Bandar Baru Uda
81200 Johor Bahru, Johor

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. | : | 07-238 4457 |
| No. Tel. Bimbit | : | 019-263 6084 |
| E-Mel | : | sazali@angkasa.coop |
| | : | jpn_johor@angkasa.coop |

### TERENGGANU

**Tn. Hj. Mohamed Yusoff**
AMT., AMN., PJK.
Pengerusi
Jawatankuasa ANGKASA
Negeri Terengganu

Pejabat ANGKASA Negeri Terengganu
1A, Tingkat 1, Wisma KOKITAB Kuala Nerus
Jalan Semarak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. | : | 09-666 8085 / 09-666 8062 |
| No. Tel. Bimbit | : | 012-957 0393 |
| E-Mel | : | mohamed@angkasa.coop |
| | : | mohamed.angkasa@gmail.com |
| | : | jpn_terengganu@angkasa.coop |

# ANGGOTA JAWATANKUASA TADBIR KEBANGSAAN
## PEJABAT ANGKASA NEGERI

### KEDAH

**Tn. Hj. Wan Ibrahim Wan Jusoh**
AMK., BCK., PPN., PCK.
Pengerusi
Jawatankuasa ANGKASA
Negeri Kedah

Pejabat ANGKASA Negeri Kedah
No.1571, Tingkat 3
Jalan Kota
05000 Alor Setar, Kedah

No. Tel. : 04-730 0378
No. Tel. Bimbit : 012-474 7261
E-Mel : wanibrahim@angkasa.coop
: wanibrahim.angkasa@gmail.com
: jpn_kedah@angkasa.coop

### PULAU PINANG

**Dato' Hj. Mohd Jamil Othman**
DSPN., PKT.
Pengerusi
Jawatankuasa ANGKASA
Negeri Pulau Pinang

Pejabat ANGKASA Negeri Pulau Pinang
No.29-1 & 31-1 Jalan Dagangan 11
Pusat Bandar Bertam Perdana
13200 Kepala Batas,
Seberang Perai Utara, Pulau Pinang

No. Tel. : 04-575 2931
No. Tel. Bimbit : 019-303 0935 / 014-343 0935
E-Mel : jamilothman@angkasa.coop
: jamilothman.angkasa@gmail.com
: jpn_ppinang@angkasa.coop

### PAHANG BARAT

**Dato' Syed Ali Syed Mohammad**
DIMP., AMN., PPN., PJK.
Pengerusi
Jawatankuasa ANGKASA
Negeri Pahang Barat

Pejabat ANGKASA Negeri Pahang Barat
P20, Tingkat 1, Bangunan ANGKASA
Taman Bentong Prima
28700 Bentong, Pahang

No. Tel. : 09-223 4062 / 09-223 5062
No. Tel. Bimbit : 019-987 7882
E-Mel : dato.syedali@angkasa.coop
: datosyedali.angkasa@gmail.com
: jpn_pahang3@angkasa.coop

### KELANTAN

**Tn. Hj. Wan Mohamad Zain Wan Abdullah**
Pengerusi
Jawatankuasa ANGKASA
Negeri Kelantan

Pejabat Perhubungan Negeri Kelantan
Lot 321, Tingkat 1, Seksyen 12
Jalan Tok Guru
15400 Kota Bharu, Kelantan

No. Tel. : 09-747 5472
No. Tel. Bimbit : 013-930 3966
E-Mel : wanzain.angkasa@gmail.com
: jpn_kelantan@angkasa.coop

*(Tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa)*

# ANGGOTA JAWATANKUASA TADBIR KEBANGSAAN

## PEJABAT ANGKASA NEGERI

### SARAWAK

**En. Wan Azizan Wan Zainal Abidin**
Pengerusi
Jawatankuasa ANGKASA
Negeri Sarawak

Pejabat ANGKASA Negeri Sarawak
Tingkat 2, Bangunan ANGKASA
Seksyen 65, KTLD, Jalan Matang
93050 Kuching, Sarawak

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. | : | 082-536 092 |
| No. Tel. Bimbit | : | 019-846 9591 |
| E-Mel | : | wanazizan@angkasa.coop |
| | : | wanazizan.angkasa@gmail.com |
| | : | jpn_sarawak@angkasa.coop |

### WILAYAH PERSEKUTUAN

**Pn. Hjh. Sharifah Aminah Syed Mohssain**
JMW., BCM., AMW.
Pengerusi
Jawatankuasa ANGKASA
Negeri Wilayah Persekutuan

Pejabat ANGKASA
Negeri Wilayah Persekutuan
No. 16, Jalan Lumut, Off Jalan Ipoh
50400 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. | : | 03-4043 1995 |
| No. Tel. Bimbit | : | 013-388 1511 |
| E-Mel | : | shahabshee@angkasa.coop |
| | : | sha.habshee@gmail.com |
| | : | jpn_wp@angkasa.coop |

### SABAH

**Dr. Zhamriee Gulamrasul**
PIND., AMN., ADK., BSK., MIPR., MIE., DOE (uk). Canada (CSA)
Pengerusi
Jawatankuasa ANGKASA
Negeri Sabah

Pejabat ANGKASA Negeri Sabah
Lot 13, Lorong Grace Square 1
Jalan Pantai Sembulan
88100 Kota Kinabalu, Sabah

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. | : | 088-250 277 (Ext 4590) |
| No. Tel. Bimbit | : | 017-811 0067 |
| E-Mel | : | zhamriee@angkasa.coop |
| | : | zhamriee.angkasa@gmail.com |
| | : | jpn_sabah@angkasa.coop |

### PAHANG TENGAH

**Dato' Hj. Mohamad Hanifah BK Koya Moideen Kutty**
DIMP., SMP., AAP.
Pengerusi
Jawatankuasa ANGKASA
Negeri Pahang Tengah

Pejabat ANGKASA
Negeri Pahang Tengah
No. 2, Tingkat 1, Jalan Pak Sako 2
Bandar Seri Semantan, 28000 Temerloh, Pahang

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. | : | 09-296 5524 / 09-296 5527 |
| No. Tel. Bimbit | : | 013-342 0412 |
| E-Mel | : | mohdhanifah@angkasa.coop |
| | : | mohdhanifahbk@yahoo.com |
| | : | jpn_pahang2@angkasa.coop |

# ANGGOTA JAWATANKUASA TADBIR KEBANGSAAN
## PEJABAT PERHUBUNGAN ANGKASA NEGERI

### MELAKA

**Tn. Hj. Zaidan Hj. Abd. Hadi**
AMN.
Pengerusi
Jawatankuasa ANGKASA
Negeri Melaka

Pejabat ANGKASA Negeri Melaka
No. 48-1, Jalan KF 4
Kota Fesyen, Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh, Melaka

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. | : | 06-234 4682 |
| No. Tel. Bimbit | : | 019-656 7009 |
| E-Mel | : | hjzaidan@angkasa.coop |
| | : | jpn_melaka@angkasa.coop |

### PERAK

**Tn. Hj. Mohamed Shafie Abd. Karim**
AMP., PPT.
Pengerusi
Jawatankuasa ANGKASA
Negeri Perak

Pejabat ANGKASA Negeri Perak
No. 24A & 26A, Jalan Bestari B2
Medan Meru Bestari (Zon 5), Bandar Meru Raya
30020 Ipoh, Perak

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. | : | 05-527 5589 |
| No. Tel. Bimbit | : | 019-332 2925 |
| E-Mel | : | hjshafie@angkasa.coop |
| | : | hjmsakti@yahoo.com |
| | : | jpn_perak@angkasa.coop |

### PERLIS

**Dr. Ammar Hassan**
PMP.
Pengerusi
Jawatankuasa ANGKASA
Negeri Perlis

Pejabat ANGKASA Negeri Perlis
No. 17 & 19, Jalan Satu
Taman Pertiwi Indah, Jalan Kangar – Alor Setar
01000 Kangar, Perlis

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. | : | 04-979 9004 |
| No. Tel. Bimbit | : | 019-440 6333 |
| E-Mel | : | ammar@angkasa.coop |
| | : | ammarhajihassan@gmail.com |
| | : | jpn_perlis@angkasa.coop |

### NEGERI SEMBILAN

**Hajah Noorizan Abd Latif**
ANS.
Pengerusi
Jawatankuasa ANGKASA
Negeri Sembilan

Pejabat ANGKASA Negeri Sembilan
No. 21, Tingkat 1, Jalan PPP 3
Pusat Perdagangan Paroi
70400 Seremban, Negeri Sembilan

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. | : | 06-761 3247 |
| No. Tel. Bimbit | : | 019-653 9798 |
| E-Mel | : | noorizanlatif@angkasa.coop |
| | : | noorizanlatif@gmail.com |
| | : | jpn_nsembilan@angkasa.coop |

### SEKTOR WANITA

Tingkat 3, Bahagian Koperasi Bersasar
Seksyen Wanita dan Komuniti
Wisma Ungku A. Aziz
Jalan SS 6/1, Kelana Jaya
47301 Petaling Jaya, Selangor
No. Tel. : 06-7800 8216

*(Tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa)*

## ANGGOTA JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

### Dato' Shaharudin Mohd Sa'ad
DIMP., BSK., JP.
Pengerusi
Jawatankuasa Audit Dalaman Kumpulan

Koperasi Ekuiti Berhad
No. C-105, Block C Glomac Business Centre,
Jalan SS 6/1, Kelana Jaya, Selangor

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. | : | 03-272 9627 |
| No. Tel. Bimbit | : | 019-667 7570 |
| E-Mel | : | mshaharudin@angkasa.coop |
| | : | mshaharudin.angkasa@gmail.com |

### Dato' Zaini Sa'ad
DSPN., PJM..
Setiausaha
Jawatankuasa Audit Dalaman

Koperasi Bekas Pelajar Melayu PFS
Pulau Pinang Berhad
No. 22, Jalan Panglima 1, Bandar Bertam Perdana
13200 Kepala Batas, Pulau Pinang

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. | : | 04-576 6412 |
| No. Tel. Bimbit | : | 019-416 0521 |
| E-Mel | : | zaini@angkasa.coop |
| | : | zainisaad@gmail.com |

### YM. Raja Rusman Raja Samah
Jawatankuasa Audit Dalaman

Koperasi Keluarga Raja Samah Berhad
153, Jalan TTJS 3/8, Taman Tuanku Jaafar
71450 Seremban, Negeri Sembilan

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. Bimbit | : | 019-236 8723 |
| E-Mel | : | rusman.angkasa@gmail.com |
| | : | rajarusman@yahoo.com |

### Tn. Hj. Wan Mazlan Wan Mohd Rashdi
Jawatankuasa Audit Dalaman

Koperasi Guru Melayu Perak Berhad
No. 20A, Jalan Lapangan Terbang, Medan Gopeng
31350 Ipoh, Perak

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. | : | 05-313 1533 |
| No. Tel. Bimbit | : | 019-565 1169 |
| E-Mel | : | mazlanrashdi@gmail.com |

### Dr. En. Meor Mohd Faizul Bin Abd Karim
Jawatankuasa Audit Dalaman

Koperasi Perumahan Angkatan Tentera,
Klsc 11, 35a-1-1, Jalan 2/27f, Wangsa Maju
53300 Kuala Lumpur.

| | |
|---|---|
| No Tel | : 03-41427071 |
| No H/P | : 019-3198251 |
| Emel | : Ejoey8277@Gmail.Com |

## PENASIHAT KORPORAT

### Datuk Hj. Md. Yusof Hj. Samsudin
DMSM., JSM., KMN.
Penasihat Korporat (Sektor Koperasi)

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. | : | 03-7884 6540 |
| No. Tel. Bimbit | : | 019-303 0464 / 019-231 9009 |
| E-Mel | : | datukyusof@angkasa.coop |
| | : | yusofsamsudin.angkasa@gmail.com |

| | | |
|---|---|---|
| Setiausaha | : | Pn. Afizah Mohamad |
| No. Tel. | : | 03-7884 6535 |
| No. Tel. Bimbit | : | 017-394 5458 |
| E-Mel | : | syahfiza87@angkasa.coop |
| | : | syahfiza87@gmail.com |

### Pn. Rihatun Abddah Meor Zainal Abidin
KMN.
Penasihat Korporat (Sektor Kewangan)

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. | : | 03-7884 6484 |
| No. Tel. Bimbit | : | 013-338 2818 |
| E-Mel | : | rihatunabddah@angkasa.coop |
| | : | abddah010158@gmail.com |

| | | |
|---|---|---|
| Setiausaha | : | Pn. Afizah Mohamad |
| No. Tel. | : | 03-7884 6535 |
| No. Tel. Bimbit | : | 017-394 5458 |
| E-Mel | : | syahfiza87@angkasa.coop |
| | : | syahfiza87@gmail.com |

### Dato' Dr. Hj. Nasiruddin Othman
DIMP.
Penasihat Korporat (Sektor Kerajaan)

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. | : | 03-7884 6532 |
| No. Tel. Bimbit | : | 019-2148485 / 019-928 2888 |
| E-Mel | : | datodrnasa@angkasa.coop |
| | : | datodrnasaruddin@gmail.com |

## PENGURUSAN TERTINGGI

### Dato' Hj. Abdullah Hj. Jusoh
DIMP., DPSM.
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. | : | 03-7800 7801 |
| No. Tel. Bimbit | : | 019-373 1885 |
| E-Mel | : | abdullah@angkasa.coop |

| | | |
|---|---|---|
| Setiausaha | : | Pn. Norzalina Hj. Mohd Nazar |
| No. Tel. | : | 03-7800 8111 |
| No. Tel. Bimbit | : | 019-380 0274 |
| E-Mel | : | norzalina@angkasa.coop |

### En. Mohd Ismail Ibrahim
Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. | : | 03-7800 7802 |
| No. Tel. Bimbit | : | 019-389 4885 |
| E-Mel | : | ismail@angkasa.coop |

| | | |
|---|---|---|
| Setiausaha | : | Pn. Noraini Harun |
| No. Tel. | : | 03-7800 7813 |
| No. Tel. Bimbit | : | 019-248 8648 |
| E-Mel | : | noraini.harun@angkasa.coop |
| | : | norainiharun.angkasa@gmail.com |

### Tn. Hj. Anuar Bulin
Pengurus Besar Kanan Kumpulan Tadbir Urus Dan Pentadbiran
Menjalankan Fungsi Ketua Pegawai Pengurusan Kumpulan

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. | : | 03-7884 6698 |
| No. Tel. Bimbit | : | 019-220 8915 |
| E-Mel | : | anuar@angkasa.coop |

| | | |
|---|---|---|
| Setiausaha | : | Pn. Nurhazirah Ibrahim |
| No. Tel. | : | 03-7884 6648 |
| No. Tel. Bimbit | : | 017-653 1235 |
| E-Mel | : | nurhazirah@angkasa.coop |

### Tn. Hj. Nor Azmi Abd. Jalil
Pengurus Besar Kanan
Kumpulan Pembangunan Koperasi

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. | : | 03-7800 7857 |
| No. Tel. Bimbit | : | 012-317 0145 |
| E-Mel | : | norazmi@angkasa.coop |
| | : | norazmi.angkasa@gmail.com |

| | | |
|---|---|---|
| Setiausaha | : | Cik Nur Aziera Amirruddin |
| No.Tel. | : | 03-7800 7888 |
| No. Tel. Bimbit | : | 011-6101 1918 |
| E-Mel | : | zieraamir@angkasa.coop |
| | : | ziera.angkasa@gmail.com |

### Dr. Hjh. Salmah Hj. Ishak
Pengurus Besar Kanan
Kumpulan Hubungan Strategik

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. | : | 03-7884 6550 |
| No. Tel. Bimbit | : | 013-344 5054 |
| E-Mel | : | dr.salmah@angkasa.coop |

| | | |
|---|---|---|
| Setiausaha | : | Pn. Marlia Hj. Mohd Rosli |
| No.Tel | : | 03- 7884 9220 |
| No. Tel. Bimbit | : | 019-698 4688 |
| E-Mel | : | marlia@angkasa.coop |

### Pn. Nurul Izatee Md. Yusoff
Pengurus Besar Kanan
Kumpulan Perniagaan Koperasi

| | | |
|---|---|---|
| No Tel. | : | 03-7800 9230 |
| No. Tel. Bimbit | : | 017-272 2020 |
| E-Mel | : | izatee@angkasa.coop |

| | | |
|---|---|---|
| Setiausaha | : | Pn. Nik Nurfarhana Zainolabeen |
| No. Tel | : | 03-7800 9231 |
| No. Tel. Bimbit | : | 014-526 1561 |
| E-Mel | : | nurfarhana@angkasa.coop |

### En. Hamzah Hj. Ibrahim
Pengurus Besar Kanan
Kumpulan Kewangan Korporat

| | | |
|---|---|---|
| No.Tel | : | 03-7800 9241 |
| No. Tel. Bimbit | : | 017-786 0078 |
| E-Mel | : | hamzah@angkasa.coop |

| | | |
|---|---|---|
| Setiausaha | : | Pn. Zuraidah Hj. Mohd Jaapar |
| No. Tel | : | 03-7800 9242 |
| No. Tel. Bimbit | : | 010-657 3036 |
| E-Mel | : | zuraidahmj@angkasa.coop |

*(Tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa)*

# PEJABAT KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN

## BAHAGIAN UNDANG-UNDANG

### Penasihat Undang-Undang Kumpulan
Bahagian Undang-Undang

No. Tel. : 03-7884 6480 / 03-7884 6417
E-Mel : perundangan.angkasa@gmail.com

### En. Mohd Rizal Kamarulzaman
Penolong Pengurus
Bahagian Undang-Undang

No. Tel. : 03-7884 6545
E-Mel : rizal.kamarulzaman@angkasa.coop
: mohdrizal.angkasa@gmail.com

### Pn. Nurul Ain' Che Mohamed
Penolong Pengurus
Bahagian Undang-Undang

No. Tel. : 03-7884 6570
E-Mel : nurul.ain@angkasa.coop
: nurulain1432.angkasa@gmail.com

## BAHAGIAN KORPORAT ANGKASA

### En. Halim Hj. Ibrahim
Pengurus Besar
Bahagian Korporat ANGKASA
Merangkap Pegawai Khas Presiden ANGKASA

No. Tel. : 03-7884 6481
No. Tel. Bimbit : 016-458 0305
E-Mel : halim6158@angkasa.coop
: halim6158@gmail.com

Setiausaha : Pn. Hapsah Md. Jali
No.Tel : 03-7800 8170
E-Mel : hapsah@angkasa.coop
: hapsah1420.angkasa@gmail.com

## SEKSYEN KORPORAT

### Pn. Nor Lela Abdul Ghani
Pengurus
Seksyen Korporat

No. Tel. : 03-7884 6446
No. Tel. Bimbit : 016-396 9783
E-Mel : norlela@angkasa.coop
: norlela9@gmail.com
: korporat.angkasa@gmail.com

### Tn. Hj. Ahmad Nadjmy Khalili
Penolong Pengurus
Seksyen Korporat

No. Tel. Bimbit : 017-345 6781
E-Mel : hj.nadjmy@angkasa.coop
: nadjmy.angkasa@gmail.com

## SEKSYEN PENERBITAN

### En. Mohd Zakuan Azmi
Pengurus
Seksyen Penerbitan

No. Tel. : 03-7800 6491
No. Tel. Bimbit : 010-295 7031
E-Mel : zakuan@angkasa.coop
: zakuanazmi@gmail.com

## SEKSYEN PENYELARASAN PELAKSANAAN

### Pn. Sharifah Haslinda Syed Alwee
Pengurus
Seksyen Penyelarasan Pelaksanaan

No. Tel. : 03-7800 8121
No. Tel. Bimbit : 019-380 0432
E-Mel : sharifah.haslinda@angkasa.coop
: shhaslinda.angkasa@gmai.com

## BAHAGIAN AUDIT DALAMAN INTEGRITI DAN RISIKO

### En. Che Mahalim Che Hashim
Pengurus
Bahagian Audit Dalaman, Integriti dan Risiko

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. | : | 03-7884 6428 |
| No. Tel. Bimbit | : | 012-349 2427 |
| E-Mel | : | mahalim@angkasa.coop |
| | : | mahalim.angkasa@gmail.com |

### Pn. Rosmaria Ramli
Penolong Pengurus
Bahagian Audit Dalaman

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. | : | 03-7884 6742 |
| No. Tel. Bimbit | : | 019-666 0608 |
| E-Mel | : | rosmaria.angkasa@gmail.com |

### Tn. Hj. Mohd Hithir Ariffin
Penolong Pengurus
Seksyen Integriti

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. | : | 03-7884 6430 |
| No. Tel. Bimbit | : | 017-398 1389 |
| E-Mel | : | hithir@angkasa.coop |
| | : | hithir75.angkasa@gmail.com |

## BAHAGIAN AUDIT DALAMAN INTEGRITI DAN RISIKO

### En. Sharif Hadi
Penolong Pengurus
Seksyen Pematuhan

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. | : | 03-7884 6485 |
| No. Tel. Bimbit | : | 017-299 4080 |
| E-Mel | : | sharif@angkasa.coop |
| | : | sharifhadi.angkasa@gmail.com |

### Pn. Nora Idayu Abdul Halim
Penolong Pengurus
Seksyen Pengurusan Risiko

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. | : | 03-7884 6431 |
| No. Tel. Bimbit | : | 013-539 4050 |
| E-Mel | : | nora.idayu@angkasa.coop |
| | : | nora.angkasa@gmail.com |

# KUMPULAN TADBIR URUS DAN PENTADBIRAN

## BAHAGIAN PENGURUSAN SEKRETARIAT DAN TADBIR URUS

### Pengurus Besar
Bahagian Pengurusan Sekretariat dan Tadbir Urus

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. | : | 03-7800 7823 / 03-7800 8135 |

## SEKSYEN HAL EHWAL JAWATANKUASA ANGKASA NEGERI (JKAN) DAN PENGURUSAN MESYUARAT

### En. Mohd Hishamizan Yahya
Pengurus
Seksyen Hal Ehwal Jawatankuasa ANGKASA Negeri (JKAN) dan Pengurusan Mesyuarat

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. | : | 03-7454 8255 |
| No. Tel. Bimbit | : | 013-642 0442 |
| E-Mel | : | hishamizan@angkasa.coop |
| | : | mohdhishamizanyahya@gmail.com |

### En. Azman Ahamad
Penolong Pengurus
Unit Pengurusan Mesyuarat

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. | : | 03-7884 6453 |
| E-Mel | : | azman@angkasa.coop |
| | : | azman.angkasa@gmail.com |

## UNIT HAL EHWAL JKAN

### En. George Aiman Milin
Pengurus Kanan ANGKASA Negeri Sarawak

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. | : | 082-506 704 |
| No. Tel. Bimbit | : | 014-878 8777 |
| E-Mel | : | aiman@angkasa.coop |
| | : | aiman.angkasa@gmail.com |

**En. Antony Barubui**
Pengurus ANGKASA Negeri Sabah

No. Tel. : 088-253 040
No. Tel. Bimbit : 013-555 1010
E-Mel : antonyb.angkasa@gmail.com

**En. Ashraf @ Muhammad Ashraf Nazaruddin**
Pengurus ANGKASA Negeri Perak

No. Tel. : 05- 527 5589
No. Tel. Bimbit : 012-332 1453
E-Mel : muhammadashraf@angkasa.coop
: muhammadashraf.angkasa@gmail.com

**En. Muhamad Nizam Eusope**
Pengurus ANGKASA Negeri Kedah

No. Tel. : 04-730 0378
No. Tel. Bimbit : 012-904 9717
E-Mel : nizam@angkasa.coop
: nizam.angkasa@gmail.com

**Cik Nor Atiqah Mohamed**
Pengurus ANGKASA Negeri Johor

No. Tel. : 07-238 4457
No. Tel. Bimbit : 019-366 3619
E-Mel : atiqah@angkasa.coop
: atiqah.angkasa@gmail.com

**Pn. Nur Izzati Salleh**
Pengurus ANGKASA Negeri Terengganu

No. Tel. : 09-666 8085 / 09-666 8062
No. Tel. Bimbit : 019-602 1121
E-Mel : nurizzati@angkasa.coop

**Pn. Irwani Abd. Malik**
Pengurus ANGKASA Negeri Selangor

No. Tel. : 03-7880 7270
No. Tel. Bimbit : 011-1127 8626
E-Mel : irwani@angkasa.coop

**Pn. Nurmurni Wahab**
Pengurus ANGKASA Negeri Sembilan

No. Tel. : 06-761 3247
No. Tel. Bimbit : 011-2146 2383
E-Mel : murni@angkasa.coop
: nurmurniwahabismail@gmail.com

**Pn. Subaizah Baharuddin**
Pengurus ANGKASA Negeri Pahang Timur

No. Tel. : 09-513 0246 / 09-513 7586
No. Tel. Bimbit : 019-272 5847
E-Mel : subaizah@angkasa.coop
: subaizah.angkasa@gmail.com

**Pn. Nurul Ashikin Mohd Jais**
Pengurus ANGKASA Negeri Pahang Barat

No. Tel. : 09-223 4062 / 09-223 5062
No. Tel. Bimbit : 017-328 2004
E-Mel : nurulashikin@angkasa.coop
: nurulashikin.angkasa@gmail.com

**En. Azrizal Mohd Ayob**
Pengurus ANGKASA Negeri Pulau Pinang

No. Tel. : 04-575 2931
No. Tel. Bimbit : 011-5501 1859
E-Mel : azrizalmohdayob@angkasa.coop
: azrizalmohdayob.angkasa@ gmail.com

**Pn. Nazatul Hanim Ahmad Hayati**
Pengurus ANGKASA Negeri Wilayah Persekutuan

No. Tel. : 03-4043 1995
No. Tel. Bimbit : 019-615 2545
E-Mel : nazatulhanim@angkasa.coop
: nazatulhanim.angkasa@gmail.com

**Pn. Nurashikin Hj. Sulaiman**
Pengurus ANGKASA Negeri Pahang Tengah

No. Tel. : 09-296 5525 / 09-296 5527
No. Tel. Bimbit : 019-939 4385
E-Mel : shikinsulaiman@angkasa.coop
: shikinsulaiman@gmail.com

**Cik Nur Izzati Muhammed**
Pengurus ANGKASA Negeri Kelantan

No. Tel. : 09-747 5472
No. Tel. Bimbit : 018-460 5486
E-Mel : izzati@angkasa.coop
: Izzati.angkasa@gmail.com

**Pn. Nurulmaizatul Akhma Johan**
Penolong Pegawai JKAN
(Menaggung Tugas Pengurus ANGKASA
Negeri Melaka)

No. Tel. : 06-234 4682
No. Tel. Bimbit : 017-365 3341
E-Mel : maizatul1055.angkasa@gmail.com

**Pengurus ANGKASA Negeri Perlis**

No. Tel. : 04-979 9004 / 04-979 3001
E-mel : jpn_perlis@angkasa.coop

## SEKSYEN KEANGGOTAAN DAN TADBIR URUS

**En. Hazim Hj. Abdul Halim**
Penolong Pengurus
Unit Keanggotaan

No. Tel. : 03-7454 8206
E-Mel : hazim@angkasa.coop

**En. Suhaile Hajin**
Penolong Pengurus
Unit Tadbir Urus dan Keselamatan

No. Tel. : 03-7800 8106
E-Mel : suhaile@angkasa.coop
: suhaile.angkasa@gmail.com

**En. Azmir Othman**
Penolong Pengurus
Seksyen Pemulihan

No. Tel. : 03-7884 6520
E-Mel : azmir.angkasa@gmail.com

## SEKSYEN PERKHIDMATAN KESETIAUSAHAAN

**Pn. Norlela Mohamed Zaini**
Pengurus
Seksyen Perkhidmatan Kesetiausahaan

No. Tel. : 03-7800 7828
E-Mel : norlela.zaini@angkasa.coop
: norlela.angkasa@gmail.com

**Pn. Siti Ariffah Zainal**
Penolong Pengurus
Seksyen Perkhidmatan Kesetiausahaan

No. Tel. : 03-7884 6407
E-Mel : ariffah7279@angkasa.coop
: sitiariffah.angkasa@gmail.com

# BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SYARIAH

**Dr. Syaharina Abdullah**
Pengurus Besar
Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Syariah

No. Tel. : 03-7884 6789
No. Tel. Bimbit : 016-301 5971
E-Mel : dr.syaharina@angkasa.coop

Setiausaha : Pn. Norhaidah Samlan
No. Tel. : 03-7884 6613
E-Mel : norhaidah@angkasa.coop
: norhaidah.angkasa@gmail.com

## SEKSYEN PEMATUHAN SYARIAH DAN PUSAT JAGAAN DARUL SAKINAH

**En. Mohamad Azahari Ahmad**
Pengurus
Seksyen Pematuhan Syariah
dan Pusat Jagaan Darul Sakinah

No. Tel. : 03-7884 6673
No. Tel. Bimbit : 019-339 9641
E-Mel : azahari@angkasa.coop
: azahari.angkasa@gmail.com

## SEKSYEN PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN ZAKAT

### En. Mohd Fazeli Rosly
Penolong Pengurus
Seksyen Pengurusan dan Pembangunan Zakat

No. Tel. : 03-7884 6689
E-Mel : fazeli@angkasa.coop
: fazeli.angkasa@gmail.com

# BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA DAN PENGURUSAN ASET

### Mejar Ir. Ts. Mohd Ramli Parman (Bersara)
Pengurus Besar
Bahagian Pembangunan Sumber Manusia
dan Pengurusan Aset

No. Tel. : 03-7800 7890
No. Tel. Bimbit : 016-205 6574
E-Mel : mohdramli@angkasa.coop
: mohdramli.angkasa@gmail.com

Setiausaha : Pn. Siti Aisah Abd. Karim
No.Tel. : 03-7800 7891
No. Tel. Bimbit : 019-530 2303
E-Mel : sitiaisah@angkasa.coop

## SEKSYEN PEMBANGUNAN MODAL INSAN DAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN

### Pn. Nur Fadzillah Ramli
Pengurus
Seksyen Pembangunan Modal Insan
dan Perhubungan Perusahaan

No. Tel. : 03-7884 6424
No. Tel. Bimbit : 019-371 1302
E-Mel : fadzillah.ramli@angkasa.coop

### Pn. Hasnita Mohamed
Penolong Pengurus
Unit Latihan dan Kompetensi

No. Tel. : 03-7454 8214
E-Mel : hasnita@angkasa.coop
hasnita.angkasa@gmail.com

### En. Mohd Munzir Fikri
Penolong Pengurus
Unit Perhubungan Perusahaan

No. Tel. : 03-7800 9229
E-Mel : munzir@angkasa.coop

## SEKSYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

### Pn. Haslinda Hamzah
Pengurus
Seksyen Pengurusan Sumber Manusia

No. Tel. : 03-7884 9225
No. Tel. Bimbit : 019-206 6189
E-Mel : haslinda@angkasa.coop

### Pn. Rosnah Mohd Jamil
Penolong Pengurus
Unit Perjawatan

No. Tel. : 03-7884 6461
E-Mel : rosnah@angkasa.coop

### Pn. Farizan Mansor
Penolong Pengurus
Unit Penggajian dan Faedah

No. Tel. : 03-7884 6518
E-Mel : farizan.angkasa@gmail.com

## SEKSYEN PENGURUSAN SENGGARAAN BANGUNAN DAN KENDERAAN

### En. Salman Mat Nawi
Pengurus
Seksyen Pengurusan Senggaraan Bangunan, Kenderaan dan Keselamatan

No. Tel. : 03-7800 7829
No. Tel. Bimbit : 019-315 1973
E-Mel : salman@angkasa.coop
: salmanmatnawi.angkasa@gmail.com

# KUMPULAN HUBUNGAN STRATEGIK

## BAHAGIAN PENGURUSAN STRATEGIK

### En. Nazaruddin Shah Maaris
Pengurus Kanan
Bahagian Pengurusan Strategik

No. Tel. : 03-7884 6530
No. Tel. Bimbit : 019-272 8570
E-Mel : nazaruddin@angkasa.coop

Setiausaha : Pn. Puteri Nadia Arus
No. Tel. : 03-7884 6427
No. Tel. Bimbit : 011-2342 3475
E-Mel : puterinadia@angkasa.coop

## SEKSYEN PENGURUSAN PRESTASI

### En. Akhmal Farhan Sulaiman
Pengurus
Seksyen Pengurusan Prestasi
Bahagian Pengurusan Strategik

No. Tel. : 03-7800 9247
No. Tel. Bimbit : 016-347 7780
E-Mel : akhmalfarhan@angkasa.coop

### Pn. Nor Fauziah Nasir
Penolong Pengurus
Seksyen Pengurusan Prestasi

No. Tel. : 03-7884 6414
No. Tel. Bimbit : 011-605 61475
E-Mel : fauziah.angkasa@gmail.com

## SEKSYEN DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK

### En. Rosli Manan Mohd Saad
Pengurus
Seksyen Dasar dan Perancangan Strategik

No. Tel. : 03-7800 9246
No. Tel. Bimbit : 019-408 1503
E-Mel : roslimanan@angkasa.coop

### Pn. Norasimah Yahya
Penolong Pengurus
Seksyen Dasar dan Perancangan Strategik

No. Tel. : 03-7454 8552
No. Tel. Bimbit : 019-319 4606
E-Mel : norasimah@angkasa.coop
: norasimah.angkasa@gmail.com

## SEKSYEN PENGURUSAN PROJEK ANGKASA (APMO)

### En. Mohd Fuad Yahaya
Pengurus
Seksyen Pengurusan Projek ANGKASA (APMO)

No. Tel. : 03-7800 9200
No. Tel. Bimbit : 019-624 2884
E-Mel : fuad@angkasa.coop

### En. Mohd Akmal Fadzly Hanafi
Penolong Pengurus
Seksyen Pengurusan Projek ANGKASA (APMO)

No. Tel. : 03-7800 8186
No. Tel. Bimbit : 017-375 2725
E-Mel : akmal@angkasa.coop

### En. Mohd Adha Leman
Penolong Pengurus
Seksyen Pengurusan Projek ANGKASA (APMO)

No. Tel. : 03-7884 6582
No. Tel. Bimbit : 019-333 0435
E-Mel : mohdadha@angkasa.coop

## BAHAGIAN ANTARABANGSA

**Pengurus Besar**
Bahagian Antarabangsa

No. Tel. : 03-7884 6737

### SEKSYEN HUBUNGAN STRATEGIK ANTARABANGSA

**Pn. Noor Azlinn Zahariman**
Pengurus
Seksyen Hubungan Strategik Antarabangsa

No. Tel. : 03-7884 6734
No. Tel. Bimbit : 012-974 6431
E-Mel : noor.azlinn@angkasa.coop
: international@angkasa.coop

### SEKSYEN MALAYSIAN BUSINESS OFFICE (MBO) DAN PROMOSI STRATEGIK ANTARABANGSA

**Pn. Hjh. Wan Azwati Wan Mohamed**
Pengurus
Seksyen Malaysian Business Office (MBO)
dan Promosi Strategik Antarabangsa

No. Tel. : 03-7884 6733
No. Tel. Bimbit : 012-290 4833
E-Mel : wanazwati@angkasa.coop
: mboicaap@gmail.com

### SEKSYEN ASEAN COOPERATIVE ORGANIZATION (ACO) DAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN ANTARABANGSA

**En. Muhammad Firdaus Borhan**
Pengurus
Seksyen Asean Cooperative Organization (ACO)
dan Pembangunan Perniagaan Antarabangsa

No. Tel. : 03-7803 0494
No. Tel. Bimbit : 013-377 2195
E-Mel : firdaus.borhan@angkasa.coop
: firdausborhan.angkasa@gmail.com

## PUSAT KECEMERLANGAN ANGKASA

### SEKSYEN KECEMERLANGAN KOPERASI

**Pn. Safinah Saupi**
Pengurus
Seksyen Kecemerlangan Koperasi
Pusat Kecemerlangan ANGKASA

No. Tel. : 03-7800 7880
No. Tel. Bimbit : 011-1052 5752
E-Mel : safinah@angkasa.coop
: safinahsaufi@yahoo.com

### SEKSYEN DOKUMENTASI DAN PENYELIDIKAN

**Pn. Adibah Adnan**
Penolong Pengurus
Seksyen Dokumentasi
Pusat Kecemerlangan ANGKASA

No. Tel. : 03-7800 7879
No. Tel. Bimbit : 019-321 0020
E-Mel : adibah@angkasa.coop

**Pn. Shuhaida Salleh**
Pegawai
Seksyen Penyelidikan
(Menanggung Tugas Penolong Pengurus)
Pusat Kecemerlangan ANGKASA

No. Tel. Bimbit : 013-227 9067
E-Mel : shuhaida.angkasa@gmail.com

# KUMPULAN PEMBANGUNAN KOPERASI

## BAHAGIAN PERTANIAN ASAS TANI DAN PERLADANGAN

**En. Muhammad Zuhid Jamaludin**
Pengurus Besar
Bahagian Pertanian Asas Tani dan Perladangan

No. Tel. : 03-7884 6709
No. Tel. Bimbit : 019-652 4711
E-Mel : zuhid@angkasa.coop
: zuhid68.angkasa@gmail.com
Setiausaha : Pn. Zuraidah Mat Nasir
No. Tel. : 03-7884 6656
No. Tel. Bimbit : 013-490 5407
E-Mel : zuraidah@angkasa.coop
zuraidahnasir.angkasa@gmail.com

### SEKSYEN PROJEK PERTANIAN

**En. Mohd Rais Ismail**
Pengurus
Seksyen Projek Pertanian

No. Tel. : 03-7884 6655
No. Tel. Bimbit : 013-226 1940
E-Mel : rais@angkasa.coop
: mohdrais.angkasa@gmail.com

**Pn. Farihah Arifin**
Penolong Pengurus
Unit Ternakan

No. Tel. : 03-7884 6671
No. Tel. Bimbit : 014-530 6314
E-Mel : farihah@angkasa.coop
: farihah.angkasa@gmail.com

**En. Zarizan Hanapi**
Penolong Pengurus
Unit Tanaman dan Industri Asas Tani

No. Tel. : 03-7884 6660
No. Tel. Bimbit : 019-366 5234
E-Mel : zarizan@angkasa.coop
: zarizan.angkasa@gmail.com

### SEKSYEN PROJEK PERLADANGAN

**En. Mohd Azizul Rahman Abu Hassan @ Mohd Said**
Pengurus
Seksyen Projek Perladangan

No. Tel. : 03-7884 6638
No. Tel. Bimbit : 019-365 6651
E-Mel : azizulrahman@angkasa.coop

## BAHAGIAN PENDIDIKAN DAN PERNIAGAAN

**Pn. Aziah Talib**
Pengurus Kanan
Bahagian Komuniti, Pelancongan dan Kesihatan

No. Tel. : 03-7800 8278
No. Tel. Bimbit : 019-359 0358
E-Mel : aziahtalib@angkasa.coop
: aziahtalib.angkasa@gmail.com

### SEKSYEN PENDIDIKAN

**En. Abu Bakar Busmah**
Pengurus
Seksyen Pendidikan

No. Tel. : 03-7884 6768
No. Tel. Bimbit : 019-343 3090
E-Mel : abubakar@angkasa.coop
: abubakarbusmah.angkasa@gmail.com

**En. Hasbullah Hamdin**
Penolong Pengurus
Unit Koperasi Sekolah

No. Tel. : 03-7800 8133
No. Tel. Bimbit : 012-242 7233
E-Mel : hasbullah@angkasa.coop
: ibreaking@yahoo.com

**Pn. Noor Azlita Haniff**
Penolong Pengurus
Unit Koperasi IPT dan Belia

No. Tel. : 03-7884 6664
No. Tel. Bimbit : 012-390 1809
E-Mel : noorazlita@angkasa.coop
: noorazlita.angkasa@gmail.com

*(Tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa)*

### SEKSYEN PEMBANGUNAN PROJEK DAN AKTIVITI

**En. Abdul Wahab Alias**
Pengurus
Seksyen Pembangunan Projek dan Aktiviti

No. Tel. : 03- 7800 9240
No. Tel. Bimbit : 019-210 0332
E-Mel : abdulwahab@angkasa.coop
: abdulwahab.angkasa@gmail.com

## BAHAGIAN PELANCONGAN, KESIHATAN DAN PENTADBIRAN, PENGURUSAN BAJET

**En. Jamar Mat Ali**
Pengurus Kanan
Bahagian Pelancongan, Kesihatan dan Pentadbiran, Pengurusan Bajet

No. Tel. : 03-7800 7895
No. Tel. Bimbit : 019-284 1936
E-Mel : jamar@angkasa.coop
: jamar.angkasa@gmail.com

### SEKSYEN PELANCONGAN, PENJAGAAN DIRI & KESIHATAN DAN SEKSYEN PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN BAJET

**En. Azlan Mohamed**
Pengurus
Seksyen Pelancongan, Penjagaan Diri & Kesihatan dan Seksyen Pentadbiran dan Pengurusan Bajet

No. Tel. : 03-7884 6556
No. Tel. Bimbit : 018-789 7183
E-Mel : azlanmohamed2011@gmail.com

**Cik Norlaili Mansor**
Penolong Pengurus
Seksyen Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan

No. Tel. : 03-7884 6664
No. Tel. Bimbit : 018-375 2204
E-Mel : norlailibintimansor@gmail.com

## BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PERNIAGAAN KOPERASI KARIAH MASJID

**En. Mohd Safian Abdul Rahman**
Pengurus Kanan
Bahagian Pembangunan dan Perniagaan Koperasi Kariah Masjid

No. Tel. : 03-7884 6767
No. Tel. Bimbit : 012-602 9655
E-Mel : safian@angkasa.coop
: bard.angkasa@gmail.com

**Pn. Rosmawati Zul**
Pengurus
Bahagian Pembangunan dan Perniagaan Koperasi Kariah Masjid

No. Tel. : 03-7800 8216
No. Tel. Bimbit : 017-570 7154
E-Mel : rosmzul@gmail.com

## BAHAGIAN WANITA, KOMUNITI DAN PENGURUSAN HARTANAH

### SEKSYEN WANITA DAN MODAL INSAN

**Pn. Norihan Mahafar**
Pengurus
Seksyen Wanita dan Modal Insan

No. Tel. : 03-7884 7894
No. Tel. Bimbit : 017-570 154
E-Mel : norihan.@angkasa.coop
: norihan.angkasa@gmail.com

**En. Hanafiah Othman**
Penolong Pengurus
Seksyen Wanita dan Modal Insan

No. Tel. : 03-7884 6539
E-Mel : hanafiah.angkasa@gmail.com

## SEKSYEN KONSORTIUM DAN KOMUNITI

### En. Hasrol Amri bin Abu Yazid
Penolong Pengurus
Seksyen Konsortium dan Komuniti

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. Bimbit | : | 012-259 2759 |
| E-Mel | : | hasrol.angkasa@gmail.com |

## SEKSYEN PENGURUSAN HARTANAH

### En. Syahmiza Zamri
Pengurus
Seksyen Pengurusan Hartanah

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. | : | 03-7800 8265 |
| No. Tel. Bimbit | : | 012-667 1567 |
| E-Mel | : | syahmiza@angkasa.coop<br>syahmiza.angkasa@gmail.com |

# KUMPULAN PERNIAGAAN KOPERASI

## BAHAGIAN PERDAGANGAN KOMERSIAL

### Pengurus besar
Bahagian Perdagangan Komersial

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. | : | 03-7884 6750 |

## SEKSYEN PERDAGANGAN DAN PERUNCITAN

### En. Mohd Othman Adam
Penolong Pengurus
(Operasi dan Pembekalan)
Seksyen Perdagangan dan Peruncitan
(Menanggung Tugas Pengurus Seksyen Perdagangan dan Peruncitan)

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. | : | 03-7884 6777 |
| E-Mel | : | othman.adam@angkasa.coop |

### Pn. Norisah Shahrina Mohd Nordin
Penolong Pengurus
Unit Pentadbiran dan Kewangan
(Pembangunan Produk)

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. | : | 03-7884 6631 |
| No. Tel. Bimbit | : | 019-372 1317 |
| E-Mel | : | norisah.shahrina@angkasa.coop |

## SEKSYEN JUALAN DAN PEMASARAN

### En. Nadzrif Othman
Pengurus
Seksyen Jualan dan Pemasaran

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. Bimbit | : | 018-389 4200 |
| E-Mel | : | nadzrif@angkasa.coop |
| | : | nadzrif@gmail.com |

## SEKSYEN ANGKASAMART

### En. Kamarul Ariffin Alias
Pengurus
Seksyen ANGKASAMart

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. | : | 03-7884 6669 |
| No. Tel. Bimbit | : | 017-373 5763 |
| E-Mel | : | ariffin@angkasa.coop |
| | : | ariffz86@gmail.com |

### En. Mohammad Yusoff Abdul Rahman
Penolong Pengurus
Seksyen ANGKASAMart

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. | : | 03-7884 6626 |
| No. Tel. Bimbit | : | 019-305 6154 |
| E-Mel | : | yusoff.rahman@angkasa.coop |
| | : | myar7777@gmail.com |

# BAHAGIAN PENGURUSAN PERNIAGAAN

### Tn. Hj. Wan Mohd Azeelan Hj. Adnan
Pengurus Besar
Bahagian Pengurusan Perniagaan

| | | |
|---|---|---|
| No Tel. | : | 03-7884 6750 |
| No. Tel. Bimbit | : | 019-999 3969 |
| E-Mel | : | azeelan@angkasa.coop |

| | | |
|---|---|---|
| Setiausaha | : | Pn. Siti Nur Syazana Abd. Rani |
| No Tel. | : | 03-7884 6666 |
| No. Tel. Bimbit | : | 018-977 7252 |
| E-Mel | : | syazana.angkasa@gmail.com |

## SEKSYEN PENGURUSAN

### Pn. Hjh. Nur Suhaila Mohd Saleh
Pengurus
Seksyen Pengurusan

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. | : | 03-7884 6680 |
| No. Tel. Bimbit | : | 019-302 7845 |
| E-Mel | : | nursuhaila.angkasa@gmail.com |

### Pn. Nur Hickmawati Mohd Hussin
Penolong Pengurus
Unit Akaun dan Pembayaran

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. | : | 03-7884 6518 |
| No. Tel. Bimbit | : | 012-550 5608 |
| E-Mel | : | hickmawati@angkasa.coop |

## SEKSYEN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN (INKUBASI)

### En. Hamudi Mat Hasssan
Pengurus
Seksyen Pembangunan Perniagaan (Inkubasi)

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. | : | 03-7884 4965 |
| No. Tel. Bimbit | : | 012-306 4430 |
| E-Mel | : | hamudi@angkasa.coop |
| | : | hamudi.angkasa@gmail.com |

### En. Zamri Yusop
Penolong Pengurus
Seksyen Pembangunan Perniagaan (Inkubasi)

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. | : | 03-7884 6725 |
| No. Tel. Bimbit | : | 018-660 7571 |
| E-Mel | : | zamri.yusop@angkasa.coop |
| | : | zamri757.angkasa@gmail.com |

### Pn. Nurul Syazwani Ahmad Joni
Penolong Pengurus (Ahli Farmasi)
*Pharmawellness*

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. | : | 09-570 1456 |
| No. Tel. Bimbit | : | 019-777 5415 |
| E-Mel | : | syazwani.angkasa@gmail.com |

## BAHAGIAN PENGURUSAN PERNIAGAAN

### SEKSYEN ANGKASA NIAGA

**Pn. Nur Liyana Adam**
Pengurus
Seksyen ANGKASA Niaga

No. Tel. : 03-7884 6667
No. Tel. Bimbit : 019-667 8387
E-Mel : liyana.adam@angkasa.coop
: liyana.angkasa@gmail.com

**En. Amirulrashid Abdullah**
Penolong Pengurus
Seksyen ANGKASA Niaga

No. Tel. Bimbit : 013-939 6730
E-Mel : amirulrashid.angkasa@gmail.com

## UNIT PELAPORAN ANGKASA LINK

### YAYASAN ANGKASA

**Pn. Haslinda Hj. Ahmad**
Pengurus Besar
Yayasan ANGKASA

No. 402, Blok C, Glomac Business Centre
No. 10, Jalan SS 6/1, Kelana Jaya
47301 Petaling Jaya, Selangor

No. Tel. : 03-7880 6358 / 9358 / 5358
E-Mel : lindaahmad.yayasanangkasa@gmail.com

Setiausaha : Pn. Nurul Naimah Mansor
No. Tel. Bimbit : 018-291 4234
E-Mel : setiausaha.yayasanangkasa@gmail.com
: pengurusan@yayasanangkasa.coop

**En. Muhamad Fekri Bin Yusof**
Ketua Unit Operasi

No. Tel. Bimbit : 011-3272 9292
E-Mel : muhamadfekri.yayasanangkasa@gmail.com

**Pn. Nor Rashidah Abidah Abdul Hamid**
Ketua Unit Kewangan dan Pentadbiran

No. Tel. Bimbit : 010-887 6304
E-Mel : rashidah.yayasanangkasa@gmail.com

### YAYASAN INFAQ ANGKASA

**Dr. Mohd Azlan Yahya**
Ketua Pegawai Eksekutif
Yayasan Infaq ANGKASA

C-404 & C-405, Aras 3, Block C
Jalan SS6/1, Glomac Business Centre
Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya
Selangor, Darul Ehsan
No. Tel. : 03-7886 2972 / 019-215 4270
No. Tel. Bimbit : 019-344 4422
E-Mel : mohdazlan.yia@gmail.com
: yayasaninfaq.angkasa@gmail.com
Laman Web : www.yayasaninfaqangkasa.com

### KOPERASI PEMBIAYAAN SYARIAH ANGKASA BERHAD (KOPSYA)

**Pn. Hjh. Fatimah Nurhaliza Mohd Hatta**
Ketua Pegawai Eksekutif
Koperasi Pembiayaan Syariah ANGKASA Berhad (KOPSYA)

Unit 409, Blok C, Glomac Business Centre
No. 10, Jalan SS 6/1, Kelana Jaya
47301 Petaling Jaya, Selangor

No. Tel. : 03-7803 1214
No. Tel. Bimbit : 019-661 3728
E-Mel : fatimahnurhaliza@kopsya.coop

Setiausaha : Pn. Nor Atika Mazlan
No. Tel. : 03-7803 1214
No. Tel. Bimbit : 010-382 7299
E-Mel : noratika@kopsya.coop
: info@kopsya.coop
Laman Web : www.kopsya.coop

# KUMPULAN PERNIAGAAN KOPERASI

## BAHAGIAN PERKHIDMATAN KREDIT DAN KEWANGAN

**Pengurus Besar**
Bahagian Perkhidmatan Kredit dan Kewangan

No. Tel. : 03-7884 6437 / 03-7884 6469

### SEKSYEN AKAUN KUTIPAN DAN PERHUBUNGAN PELANGGAN

**En. Zahari Omar**
Pengurus
Seksyen Akaun Kutipan dan Perhubungan Pelanggan

No. Tel. : 03-7800 7837
No. Tel. Bimbit : 019-339 9492
E-Mel : zahari@angkasa.coop

**Pn. Izan Faizin Muhmad Hashim**
Penolong Pengurus
Unit Perhubungan Pelanggan

No. Tel. : 03-7884 6436
E-Mel : izan_faizin@angkasa.coop
izan.angkasa@gmail.com

**Pn. Zaimiwaty Che' Azmi**
Penolong Pengurus
Unit Akaun Kutipan

No. Tel. : 03-7884 9227
E-Mel : zaimiwatyazmi.angkasa@gmail.com

### SEKSYEN POTONGAN GAJI

**En. Wan Mohd Asdi Wan Mansor**
Pengurus
Seksyen Potongan Gaji

No. Tel. : 03-7800 8141
No. Tel. Bimbit : 012-238 9179
E-Mel : wanasdi@angkasa.coop
: wanasdi.angkasa@gmail.com

**En. Syahrul Nizam Abdul Muaz**
Penolong Pengurus
Seksyen Potongan Gaji

No. Tel. : 03-7800 6404
E-Mel : snizam@angkasa.coop

### UNIT OPERASI CAWANGAN SABAH

**En. Datu Mohd Isyamudin Datu Nasir**
Penolong Pengurus
Unit Operasi Cawangan Sabah

No. Tel. : 088-255 917
E-Mel : datu.angkasa@gmail.com

### UNIT OPERASI CAWANGAN SARAWAK

**Pn. Dyg Habsah Abg Mu'an**
Penolong Pengurus
Unit Operasi Cawangan Sarawak

No. Tel. : 082-424 508
E-Mel : habsah@angkasa.coop
: dayanghabsah.angkasa@gmail.com

### SEKSYEN PEMBANGUNAN PRODUK PERNIAGAAN DAN PELAPORAN KREDIT

**Cik Wan Masni Wan Saupik**
Penolong Pengurus
Seksyen Pembangunan Produk Perniagaan dan Pelaporan Kredit

No. Tel. : 03-7884 6466
E-Mel : wmasni@angkasa.coop
: wanmasni.angkasa@gmail.com

### SEKSYEN EKOSISTEM KREDIT KEWANGAN

**En. Khairul Nizam Hj. Masror**
Penolong Pengurus
Seksyen Ekosistem Kredit Kewangan

No. Tel. : 03-7884 6577
E-Mel : khairulnizam7072.angkasa@gmail.com

# BAHAGIAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN

## SEKSYEN PENGURUSAN KEWANGAN, PERBENDAHARAAN DAN BELANJAWAN

### En. Hisam Ab. Rahman
Pengurus
Seksyen Pengurusan Kewangan, Perbendaharaan dan Belanjawan

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. | : | 03-7800 9226 |
| No. Tel. Bimbit | : | 014-338 9014 |
| E-Mel | : | hisam@angkasa.coop |
| | : | hisam.angkasa@gmail.com |

### Cik Hanizan Zakaria
Penolong Pengurus
Unit Perbendaharaan dan Pelaburan

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. | : | 03-7800 7836 |
| E-Mel | : | hanizan@angkasa.coop |
| | : | hanizan.angkasa@gmail.com |

### Tn. Hj. Mohd Rafpi Md. Esa
Penolong Pengurus
Unit Pengurusan Kewangan dan Belanjawan

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. | : | 03-7884 6486 |
| E-Mel | : | rafpi@angkasa.coop |
| | : | rafpi.angkasa@gmail.com |

### Pn. Noor Zurina Hamzah
Penolong Pengurus
Unit Pengurusan Kewangan dan Belanjawan

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. | : | 03-7800 7852 |
| E-Mel | : | noor.zurina@angkasa.coop |
| | : | zurina1390.angkasa@gmail.com |

## SEKSYEN PEROLEHAN DAN PENGURUSAN VENDOR

### En. Amri Sharkawi
Pengurus
Seksyen Perolehan dan Pengurusan Vendor

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. | : | 03-7884 6790 |
| No. Tel. Bimbit | : | 013-308 5453 |
| E-Mel | : | amri@angkasa.coop |
| | : | amri.angkasa@gmail.com |

### En. Mohd Zaizi Ibrahim
Penolong Pengurus
Seksyen Perolehan dan Pengurusan Vendor

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. | : | 03-7884 6494 |
| E-Mel | : | zaizi@angkasa.coop |
| | : | zaizi.angkasa@gmail.com |

# BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

### En. Zakaria Lat @ Murad
Pengurus Besar
Bahagian Teknologi Maklumat

| | | |
|---|---|---|
| No. Tel. | : | 03-7800 8131 |
| No. Tel. Bimbit | : | 012-253 8055 |
| E-Mel | : | zakaria@angkasa.coop |
| | : | zakaria.angkasa@gmail.com |
| Setiausaha | : | Cik Sharifah Puteri Noor Hayati Syed Hamid |
| No.Tel. | : | 03-7800 8172 |
| E-Mel | : | puteri@angkasa.coop |
| | : | shputeri@gmail.com |

## SEKSYEN PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT DAN PUSAT DATA

### Pn. Hjh Asmiza Azizan
Pengurus
Seksyen Pengurusan Sistem Maklumat
dan Pusat Data

No. Tel. : 03-7800 9221
No. Tel. Bimbit : 019-646 2884
E-Mel : asmiza@angkasa.coop
: asmiza.angkasa@gmail.com

## SEKSYEN INFRASTRUKTUR ICT

### En. Naziruddin Yahya
Pengurus
Seksyen Infrastruktur ICT

No. Tel. : 03-7884 6509
No. Tel. Bimbit : 019-615 2884
E-Mel : naziruddin1403@angkasa.coop
: naziruddin.angkasa@gmail.com

## SEKSYEN PEMBANGUNAN SISTEM

### En. Faizal Ariff Abdul Rahman
Pengurus
Seksyen Pembangunan Sistem

No. Tel. : 03-7800 9237
No. Tel. Bimbit : 014-233 9414
E-Mel : faizal.ariff@angkasa.coop

## SUBSIDIARI DAN JARINGAN PERNIAGAAN

### MyANGKASA Holdings Sdn. Bhd.
Pengarah Eksekutif
MyANGKASA Holdings Sdn. Bhd.
Suite 310 dan 311, Blok A, Glomac Business Centre,
Jalan SS 6/3, Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor

No. Tel. : 03-7884 6788
E-Mel : secretary.mhsb@gmail.com

### MyANGKASA Farmasi Sdn. Bhd.
Pengurus Besar
MyANGKASA Farmasi Sdn. Bhd.
Coop Farmasi Glomac
Unit C110, Block C, Glomac Business Centre, Jalan SS6/1
Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor

No. Tel. : 03-7884 6662
E-Mel : coopfarmasi.myangkasa@gmail.com

### MyANGKASA Services Sdn. Bhd.
Pengurus Besar
MyANGKASA Services Sdn. Bhd.
Suite 310 dan 311, Blok A, Glomac Business Centre, Jalan SS 6/3, Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor

No. Tel. : 03-7884 6788
E-Mel : myangkasaservicessolar@gmail.com

### MyANGKASA Dialisis Sdn. Bhd.
**En. Afrizal Ahmad**
Pengurus Besar
MyANGKASA Dialisis Sdn. Bhd.
Suite 310 dan 311,Blok A, Glomac Business Centre, Jalan SS 6/3, Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor

No. Tel. : 03-7884 6788
E-Mel : admin@myangkasadialisis.com

### MyANGKASA Amanah Bhd.
**En. Muhammad Syafiq Abdullah**
Pengurus Besar
MyANGKASA Amanah Bhd.
13 & 13A, Block A, Plaza @ Kelana Jaya Boulevard
Jalan SS 7/13B, SS7, 47301 Petaling Jaya, Selangor

No. Tel. : 03-7887 5600
E-Mel : admin@myangkasaamanah.com.my

### MyANGKASA Bina Sdn. Bhd.
**En. Azrul Hisyam Munap**
Pengurus Besar
Sektor Pembangunan
(Menanggung Tugas Ketua Pegawai Eksekutif)
MyANGKASA Bina Sdn. Bhd.
Suite C202, Blok C, Glomac Business Centre
Jalan SS 6/1, Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor

No. Tel. : 03-7887 5077 / 03-7886 4484 / 03-7886 4841
E-Mel : info.myangkasabina@gmail.com

### MyANGKASA Travel and Tours Sdn. Bhd.
**Pn. Sabariah Mustafa**
Pengurus
MyANGKASA Travel and Tours Sdn. Bhd.
C401, Blok C, Glomac Business Centre
Jalan SS 6/1, SS5, 47301 Petaling Jaya, Selangor

No. Tel. : 03-7887 4965
E-Mel : sabariah.myangkasatravel@gmail.com
: myangkasatravel@gmail.com

### ANGKASA Research and Certification Sdn. Bhd.
**En. Md. Radhi Ismail**
Pengurus Besar
ANGKASA Research and Certification Sdn. Bhd.
Suite C504, Blok C, Glomac Business Centre
Jalan SS6/1, Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor

No. Tel. : 03-7886 8444
E-Mel : radhi.angkasa@gmail.com
: angkasaresearch@gmail.com

### ANGKASA Livestock Sdn. Bhd.
Pengurus Besar
ANGKASA Livestock Sdn. Bhd.
Suite 310 dan 311, Blok A, Glomac Business Centre
Jalan 6/3, Kelana Jaya
47301 Petaling Jaya, Selangor

No. Tel. : 03-7884 6788
E-Mel : coopdiary.malaysia@gmail.com

*(Tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa)*

# BADAN KOPERASI ANTARABANGSA DAN SERANTAU

### International Co-operative Alliance (ICA)
Global Office
Avenue Milcamps 105
1030, Brussels, BELGIUM

E-Mel : ica@ica.coop
Laman Web : www.ica.coop

### International Co-opeative Alliance Regional Office for Asia-Pacific (ICA-AP)
9 Aradhana Enclave, Ring Road
Sector 13, Ramakrishna Puram
New Delhi –110 066, INDIA

E-Mel : info@icaap.coop
Laman Web : www.icaap.coop

### ICA-AP Malaysian Business Office (MBO)
Unit A307, 1st Floor, Block A
Glomac Business Centre
No. 10, Jalan SS 6/3, Kelana Jaya
47301 Petaling Jaya, Selangor, MALAYSIA

No. Tel. : 03-7803 0116
E-Mel : mboicaap@gmail.com
: international@angkasa.coop

### International Co-operative Alliance-Africa (ICA Africa)
Loresho Mukabi Road
Opposite Coopers Ltd.
House No. 17, P.O Box 67595
Nairobi 00200, KENYA

E-Mel : ica@icaafrica.coop
Laman Web : www.icaafrica.coop

### Cooperatives of the Americas (ICA Americas Office)
Casa 85N,
Ubicada En Via 104 Y Calle 72
San Jose, COSTA RICA

E-Mel : info@aciamericas.coop
: aci@aciamericas.coop
Laman Web : www.aciamericas.coop

### Cooperatives Europe (ICA Regional Office For Europe)
Cooperatives House Europe
Avenue Milcamps 105
1030 Brussels, BELGIUM

E-Mel : info@coopseurope.coop
Laman Web : www.coopseurope.coop

### ASEAN Co-operative Organization (ACO)
Unit A306, 1st Floor, Block A
Glomac Business Centre
No. 10, Jalan SS 6/3, Kelana Jaya
47301 Petaling Jaya, Selangor, MALAYSIA

E-Mel : secretariatoffice.aco@gmail.com

### Dewan Koperasi Indonesia (DEKOPIN)
Jl. Raya Pasar Minggu No. 97B,
Pejaten. Jakarta Selatan,
12510 INDONESIA

E-Mel : sekjendekopin@gmail.com
Laman Web : www.dekopin.coop

### Central Co-operative Society Ltd. (CCS)
Cooperative Business Centre
4th Floor of (B)
Complex of Cooperative Business Centre (CBC), Corner of Sayasan Road and New University Avenue Road, Bahan Township Yangon, MYANMAR

E-Mel : ccsencoop@ccsmyanmar.com
: ccsencoop@gmail.com
Laman Web : www.ccsmyanmar.com

**The Co-operative League of Thailand (CLT)**
13 Phichai Rd, Thanon Nakhon Chai Si,
Dusit District, Bangkok 10300,
THAILAND

E-Mel : green.clt@gmail.com
Laman Web : www.clt.coop/eng/index.php

**Philippine Cooperative Center (PCC)**
Agapito "Butz" Aquino Bldg.
90 Balete Drive Extension
Brgy. Kristong Hari
Quezon City, PHILIPPINES

E-Mel : philcoopcenter@yahoo.com
Laman Web : www.pccapex.coop/

**Singapore National Co-operative Federation Ltd.**
No. 510, Thomson Road
#12-02 SLF Building
SINGAPORE 298135

E-Mel : sncf@sncf.org.sg
Laman Web : www.sncf.coop

**Vietnam Co-operative Alliance (VCA)**
Duong Dinh Nghe Street Yen Hoa Ward
Cay Giay District, Hanoi, VIETNAM

E-Mel : thuhangvca@yahoo.com
Laman Web : en.vca.org.vn

**The Cambodia Agriculture Co-operative Alliance (CACA)**
# 37, Peng Huot Housing Steung Meanchey,
Street 7, Domnak Thom 1 village,
Sangkat Steungmeanchey,
Khan Meanchey,
Phnom Penh, CAMBODIA

E-Mel : info@caca-cambodia.org
Laman Web : www.caca-cambodia.org

**Ministry of Agriculture and Forestry (MAF)**
P.O.BOX: 811 Vientiane, LAO PDR

E-Mel : khampheuy@maflao.gov.la
maf.infro@gmail.com
Laman Web : www.maf.gov.la/

**The Cooperative Development Unit, Ministry of Finance & Economy Brunei (CDA)**
Level 1, Island Block
Ministry of Finance and Economy
Commonwealth drive, BB 3910
BRUNEI DARUSSALAM

E-Mel : info.koperasi@mofe.gov.bn
Laman Web : www.mofe.gov.bn

# MASKOT RASMI ANGKASA

# BeeRo



ANGKASA memilih 'lebah' sebagai maskot rasmi kerana ia melambangkan semangat 'bekerja bersama-sama demi manfaat bersama' dan kesepakatan dalam pasukan. Lebah sinonim dengan budaya bekerja secara kolektif, berdisiplin dan efisien. Nilai ini mencerminkan budaya kerja ANGKASA yang mementingkan kerjasama, kolaborasi strategik dan semangat kebersamaan untuk mencapai matlamat.

Nama 'BeeRo' pula dipilih sebagai tanda penghargaan kepada Biro Perkhidmatan ANGKASA (BPA) yang telah diwujudkan sejak Mac 1977 untuk mengatasi isu pinjaman tidak berbayar. Melalui BPA, ANGKASA memperkenalkan perkhidmatan pemotongan gaji berjadual kepada koperasi kredit, hasil mandat dan kuasa yang diberikan oleh Akauntan Negara Malaysia. Kini, legasi itu diteruskan dengan sistem e-SPGA yang menguruskan potongan gaji dengan cekap, telus dan selamat.

Justeru, 'BeeRo' bukan sekadar maskot tetapi lambang komitmen, integriti dan manifestasi semangat kerja berpasukan yang memperkukuh visi ANGKASA sebagai pemacu utama kelestarian sosioekonomi gerakan koperasi negara.

angkasa

**ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD**

اڠکاتن کوڤراسي کبڠسائن مليسيا برحد

**(Malaysian National Co-operative Movement)**

+603 7806 1997 | +603 7800 7800
+603 7804 2315
apex@angkasa.coop
www.angkasa.coop
@AngkasaCoop